KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# DASAR KANAK-KANAK NEGARA DAN PELAN TINDAKAN

# *Perutusan*

## YANG BERHORMAT MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Bismillahirrahmannirrahim.

Pembangunan sahsiah kanak-kanak merupakan antara faktor penting dalam menyumbang kepada keutuhan institusi keluarga. Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak pernah berhenti melaksanakan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak tadbir urus dan mekanisme untuk perkembangan dan perlindungan kanak-kanak. Selaras dengan objektif Dasar Sosial Negara 2030 yang menjadi payung kepada polisi dan hala tuju pembangunan sosial negara, Dasar Kanak-Kanak Negara terkini telah diberi nafas baharu dengan penambahan elemen-elemen meliputi isu melibatkan kesihatan mental, pengeksploitasian buruh kanak-kanak dan juga perlindungan atas talian kepada kanak-kanak.

Prakarsa menambah baik Dasar Kanak-Kanak Negara ini telah dilaksanakan melalui pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*) dengan melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, pemain industri, organisasi antarabangsa termasuk UNICEF, badan bukan kerajaan serta masyarakat sivil. Walhasil,

satu dasar komprehensif telah disusun agar kanak-kanak dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya, di samping membentuk insan yang sihat, seimbang dan berperibadi unggul.

Di samping itu, satu pelan tindakan baharu juga akan dibangunkan bagi melengkapi Dasar Kanak-Kanak Negara, yang antara lain akan menggariskan tatanan bagi mengukuhkan tadbir urus, dasar perundangan dan penyampaian perkhidmatan kepada kanak-kanak. Dasar dan pelan tindakan ini turut mengambil kira akta, dasar dan pelan tindakan baharu dan sedia ada di bawah kementerian lain. Sehubungan itu, pelan tindakan yang bakal dilancarkan akan mengambil kira elemen dan konsep yang bugar dalam mendambakan penegakan hak kanak-kanak meliputi kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan mereka.

Hatta, terhasilnya dasar dan pelan tindakan ini adalah bukti iltizam kementerian dalam menerajui dan menyusun langkah untuk kesejahteraan kanak-kanak, ke arah masyarakat yang lebih sejahtera. Justeru itu, saya menyeru komitmen dan sokongan padu berterusan daripada semua pihak untuk menyemangati dan menjayakan dasar ini demi masa depan negara dan anak-anak kita.

Terima kasih.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

# *Prakata*

## KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kementerian ini merakamkan penghargaan kepada semua agensi peringkat Kementerian, Jabatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan UNICEF yang telah terlibat dalam pembangunan dasar ini yang telah bermula semenjak tahun 2020.

Dasar Kanak-Kanak Negara dibangunkan selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dengan menggabungkan dasar-dasar sedia ada seperti Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, elemen dalam Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan serta Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber. Ia turut mengambil kira dasar dan pelan tindakan berkaitan kanak-kanak di bawah Kementerian lain.

Secara umumnya, Dasar ini menggariskan empat (4) objektif yang melibatkan hak kanak-kanak di Malaysia iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dengan 16 keutamaan strategi yang akan memandu arah kepada Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara. Ia merangkumi aspek seperti persediaan keibubapaan dan pra-kelahiran, kesihatan, pendidikan, keselamatan, kebajikan, kesejahteraan keluarga, teknologi, infrastruktur serta sosioekonomi mengikut kitaran serta kualiti hidup kanak-kanak.

Harapan Kementerian supaya melalui dasar ini kanak-kanak dapat mencapai perkembangan yang holistik dalam persekitaran yang kondusif, di samping mempunyai peluang hidup yang sama rata bagi memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Terima kasih.

**YBHG. DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF**

# RAKAMAN PENGHARGAAN

Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan Antarabangsa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkenaan di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam penghasilan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan ini.

(i) Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
(ii) Kementerian Kewangan;
(iii) Jabatan Peguam Negara;
(iv) Polis Diraja Malaysia;
(v) Kementerian Perpaduan Negara;
(vi) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
(vii) Kementerian Kesihatan Malaysia;
(viii) Kementerian Sumber Manusia;
(ix) Kementerian Luar Negeri;
(x) Kementerian Pendidikan Malaysia;
(xi) Kementerian Ekonomi;
(xii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
(xiii) Majlis Keselamatan Negara;
(xiv) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
(xv) Kementerian Pengangkutan;
(xvi) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup;
(xvii) Kementerian Belia Dan Sukan;
(xviii) Kementerian Dalam Negeri;
(xix) Kementerian Komunikasi;
(xx) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam;
(xxi) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah;
(xxii) Kementerian Kerja Raya;
(xxiii) Kementerian Digital;
(xxiv) Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (Sabah);
(xxv) Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Sarawak);
(xxvi) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
(xxvii) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang;

(xxviii) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia;
(xxix) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
(xxx) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia;
(xxxi) Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;
(xxxii) Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan;
(xxxiii) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional;
(xxxiv) Perpustakaan Negara Malaysia;
(xxxv) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia;
(xxxvi) Jabatan Kebajikan Masyarakat;
(xxxvii) Yayasan Kebajikan Negara;
(xxxviii) Institut Sosial Malaysia;
(xxxix) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara;
(xl) Jabatan Perangkaan Malaysia;
(xli) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;
(xlii) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam;
(xliii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
(xliv) Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia;
(xlv) Jabatan Pengangkutan Jalan;
(xlvi) Jabatan Pendaftaran Negara;
(xlvii) Jabatan Imigresen Malaysia;
(xlviii) Jabatan Penjara Malaysia;
(xlix) Agensi Antidadah Kebangsaan;
(l) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
(li) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia;
(lii) Jabatan Meteorologi Malaysia;
(liii) Jabatan Alam Sekitar;
(liv) Jabatan Kemajuan Orang Asli;
(lv) Jabatan Kemajuan Masyarakat;
(lvi) Majlis Amanah Rakyat;
(lvii) Cybersecurity Malaysia;
(lviii) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM); dan
(lix) United Nations Children's Fund (UNICEF).

# PENGENALAN

"Dasar ini akan menjadi **dasar induk** yang **lebih komprehensif** berkaitan kanak-kanak serta merupakan satu dasar yang menyeluruh dan **meliputi semua kanak-kanak di Malaysia.**"

# PENGENALAN

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* - CRC) pada 17 Februari 1995 yang menekankan prinsip kepentingan terbaik bagi kanak-kanak (*best interest of the child*) berdasarkan kepada empat (4) prinsip utama iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

Dalam usaha memastikan hak kanak-kanak terus terpelihara, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak Kerajaan antaranya melalui penggubalan beberapa akta di bawah KPWKM iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016), Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2012 dan 2017).

Selain daripada itu terdapat juga akta-akta di bawah bidang kuasa kementerian lain seperti Akta Pengangkatan 1952, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Pindaan 2010 dan 2018), Akta Pendidikan 1996, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 (Pindaan 2023) dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

Penggubalan akta-akta ini bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih jitu dan menyeluruh kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun selepas akta-akta ini dikuatkuasakan terdapat beberapa jurang dan cabaran yang perlu dikaji dan disemak semula.

Justeru itu, dasar ini akan menjadi dasar induk yang lebih komprehensif berkaitan kanak-kanak serta merupakan satu dasar yang menyeluruh dan meliputi semua kanak-kanak di Malaysia. Matlamat utama dasar ini diperkenalkan adalah bagi memastikan supaya kanak-kanak memiliki tahap kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan yang mana turut merangkumi aspek kesihatan, pendidikan, keselamatan dan kebajikan yang lebih terjamin. Dasar ini juga mengambil kira keperluan intervensi secara bersasar untuk kumpulan kanak-kanak yang dikenal pasti berisiko supaya mereka dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan yang holistik.

Dasar ini adalah kemuncak kepada lebih daripada setahun usaha yang melibatkan siri perbincangan, perkongsian strategi dan kerjasama peringkat tertinggi yang melibatkan Kementerian dan Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Badan Antarabangsa dan penyertaan kanak-kanak.

| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| LATAR BELAKANG | 13 |
| PERNYATAAN DASAR | 15 |
| OBJEKTIF | 16 |
| SKOP | 17 |
| TERAS DASAR | 20 |
| OBJEKTIF DASAR DAN KEUTAMAAN STRATEGIK | 22 |
| OBJEKTIF 1: | 23 |
| Menambah baik peluang kanak-kanak untuk meneruskan kelangsungan hidup secara sihat dan selamat melalui perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial | |
| Keutamaan Strategik 1: | 24 |
| Menambah baik tahap kesihatan dalam kalangan kanak-kanak | |
| Keutamaan Strategik 2: | 27 |
| Mencegah kemalangan dan menangani ancaman baharu kepada kelangsungan hidup kanak-kanak | |
| Keutamaan Strategik 3: | 33 |
| Meningkatkan usaha bagi mencegah dan menangani masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak dan ibu mengandung | |
| OBJEKTIF 2: | 39 |
| Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan diintegrasi ke dalam keluarga dan masyarakat | |
| Keutamaan Strategik 4: | 40 |
| Memperkukuh mekanisme perlindungan melalui pencegahan, pengesanan, proses rujukan dan intervensi terhadap kanak-kanak yang telah menjadi mangsa bagi penderaan, pengabaian, penganiayaan, eksploitasi, serta keganasan rumah tangga. | |

| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|


| | |
|---|---|
| Keutamaan Strategik 5: | 45 |
| Mencegah pemisahan kanak-kanak daripada keluarga, dan menjamin pemeliharaan alternatif yang berkualiti dan perlindungan kanak-kanak yang tidak dijaga oleh ibu bapa, terpisah daripada keluarga, atau dimasukkan ke institusi. | |
| Keutamaan Strategik 6: | 49 |
| Memperkukuh perlindungan dan pencegahan terhadap eksploitasi dan pemerdagangan kanak-kanak | |
| Keutamaan Strategik 7: | 53 |
| Perlindungan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang | |
| Keutamaan Strategik 8: | 57 |
| Memastikan penggunaan internet yang selamat dan sesuai | |
| OBJEKTIF 3: | 62 |
| Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum | |
| Keutamaan Strategik 9: | 65 |
| Memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang lebih bersifat mesra kanak-kanak dalam aspek kesihatan reproduktif, kesihatan mental serta membendung penyalahgunaan dadah dan kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak | |
| Keutamaan Strategik 10: | 70 |
| Memperkukuh ketersediaan dan kebolehcapaian serta kualiti sistem perkhidmatan intervensi awal bagi kanak-kanak kurang upaya | |
| Keutamaan Strategik 11: | 72 |
| Menjamin akses kepada Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang inklusif dan berkualiti | |

| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|


| | |
|---|---|
| Keutamaan Strategik 12: | 74 |
| Memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki untuk melengkapkan tempoh pendidikan wajib selaras Akta 550 | |
| Keutamaan Strategik 13: | 78 |
| Mengurangkan jurang dalam keberhasilan pembelajaran | |
| OBJEKTIF 4: | 82 |
| Meningkatkan peluang kanak-kanak mengikut tahap keupayaan bagi penyertaan yang bermakna dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka | |
| Keutamaan Strategik 14: | 83 |
| Memperkukuh penyertaan dan amalan kanak-kanak yang selamat dan bermakna dalam komuniti, sekolah dan dalam talian | |
| Keutamaan Strategik 15: | 87 |
| Mengurangkan ketidaksamaan dalam mengakses maklumat yang berkualiti dan bahan bersesuaian bagi kanak-kanak | |
| Keutamaan Strategik 16: | 90 |
| Memupuk budaya dalam kalangan masyarakat supaya lebih mendengar dan mempertimbangkan pandangan kanak-kanak secara aktif | |
| LAIN-LAIN OBJEKTIF SOKONGAN | 93 |
| STRATEGI PELAKSANAAN | 94 |
| SENARAI AKTA BERKAITAN KANAK-KANAK | 95 |
| SENARAI AKRONIM DAN SINGKATAN | 96 |

# LATAR BELAKANG

Perkembangan dan pembangunan kanak-kanak merupakan satu fasa yang penting mengambil kira mereka merupakan generasi yang akan menerajui negara dan dunia di masa hadapan. Ia bukan hanya terhad kepada perkembangan fizikal semata-mata, malah turut meliputi psikologi, kognitif, emosi, sosial dan rohaniah. Kanak-kanak perlu diberi pemeliharaan dan perlindungan daripada pengabaian, penderaan, pengeksploitasian atau pemerdagangan orang agar perkembangan mereka tidak terbantut yang boleh menyumbang kepada permasalahan sosial dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

**Dasar Kanak-Kanak Negara (DKKN)** dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara 2009-2015 merupakan satu dasar yang menyentuh hak terhadap kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak supaya dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif.

**Dasar Perlindungan Kanak-Kanak (DPKK)** dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak 2009-2015 merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan serta memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan serta penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian, penganiayaan dan eksploitasi.

**Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI)** yang diiringi Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan 2022-2025 merupakan dasar mengenai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial yang terpakai untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur.

**Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (PTCOP)** 2015-2020 untuk menangani masalah aktiviti kanak-kanak dalam talian dengan memberi penekanan kepada empat (4) aspek utama iaitu advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan.

Semua dasar dan pelan tindakan ini adalah selaras dengan **Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* - CRC)** dan **Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*]** yang menekankan prinsip kepentingan terbaik bagi kanak-kanak *(best interest of the child)*. Sehubungan dengan itu, satu **Dasar Kanak-Kanak Negara** baharu yang lebih komprehensif telah dibangunkan dengan menambah baik kepada dasar-dasar berserta pelan tindakan kanak-kanak sedia ada.

Malaysia yang merupakan Negara Pihak kepada CRC amat komited untuk memastikan kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak yang merupakan generasi penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan terjamin. Dasar ini menggariskan beberapa panduan dan rujukan untuk memperkukuh lagi tadbir urus, kerangka dasar, perundangan dan penyampaian perkhidmatan yang lebih holistik dan berkualiti demi mempertingkat kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

Dalam masa yang sama, kanak-kanak merupakan salah satu kumpulan sasar khusus yang perlu diperkasa dalam **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13)** sebagai usaha untuk mencapai status negara yang makmur, inklusif, dan mampan di samping melahirkan masyarakat yang saksama dan penyayang. Bukan itu sahaja, dasar ini dijajarkan melalui komitmen negara bawah **Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDG)** dalam memastikan tiada lapisan masyarakat yang terpinggir.

# PERNYATAAN DASAR

"Dasar Kanak-Kanak Negara adalah satu dasar yang komprehensif mengenai hak kanak-kanak di Malaysia supaya dapat mencapai perkembangan yang holistik dalam persekitaran yang kondusif, di samping mempunyai peluang hidup yang sama rata dengan memperkasakan peranan, tindakan dan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ibu bapa/penjaga dan komuniti."

# MATLAMAT DASAR

"Matlamat dasar ini adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya di samping membentuk insan seimbang dan berperibadi unggul yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni ke arah kesejahteraan Malaysia."

# OBJEKTIF

Bagi mencapai visi ini, Dasar Kanak-Kanak Negara mempunyai **empat (4)** objektif iaitu:

OBJEKTIF 1

Menambah baik peluang kanak-kanak untuk meneruskan kelangsungan hidup secara sihat dan selamat melalui perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial

OBJEKTIF 2

Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi, rehabilitasi dan diintegrasi ke dalam keluarga dan masyarakat

OBJEKTIF 3

Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum

OBJEKTIF 4

Meningkatkan peluang kanak-kanak mengikut tahap keupayaan bagi penyertaan yang bermakna dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka

# SKOP

Dasar Kanak-Kanak Negara merupakan satu dasar yang menyeluruh dan meliputi semua kanak-kanak di Malaysia. Dasar ini diperkenalkan adalah bagi memastikan supaya kanak-kanak memiliki tahap kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan, dan penyertaan yang turut merangkumi aspek kesihatan, pendidikan, keselamatan dan kebajikan yang lebih terjamin. Dasar ini juga mengambil kira keperluan intervensi secara bersasar untuk kumpulan kanak-kanak yang dikenal pasti berisiko supaya mereka dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan yang holistik.

Dasar ini mengambil kira situasi yang dihadapi kanak-kanak perempuan dan lelaki pada peringkat kitaran hidup yang berbeza, serta implikasi pada satu peringkat hidup kepada peringkat hidup yang seterusnya seperti yang berikut:

i. Peringkat awal kehidupan kanak-kanak ditakrifkan sebagai tempoh dari kelahiran sehingga berumur lapan (8) tahun[1]. Ini merupakan tempoh yang sangat kritikal dalam kehidupan di mana perkembangan kanak-kanak telah bermula. Dalam tempoh ini, proses pertumbuhan dan perkembangan pesat otak sedang berlaku. Antara masalah utama yang sering dihadapi pada peringkat awal kehidupan kanak-kanak adalah seperti malpemakanan, akses yang tidak sama rata kepada pendidikan awal, serta penderaan yang boleh menjejaskan perkembangan jangka panjang kanak-kanak dari aspek fizikal, sosial, tingkah laku dan psikologi.

ii. Masa remaja merupakan suatu tempoh peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, dan sosial. Remaja berisiko mengalami masalah seperti komplikasi penyakit jangkitan seksual, kehamilan remaja, pembuangan bayi, kesihatan mental serta terdedah dengan kegiatan jenayah. Di Malaysia, masalah penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja seperti merokok, pengambilan dadah dan minuman beralkohol didapati semakin meningkat dalam kalangan remaja[2].

iii. Belia merupakan antara kumpulan yang berisiko. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 hingga 16% belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun tiada pendidikan, pekerjaan atau latihan[3]. Daripada peratusan ini, 18 hingga 21% adalah wanita manakala (10) hingga 11% adalah lelaki. Selain itu, kadar pengangguran dalam kalangan belia pada tahun 2021 adalah 11.3%[4].

---

*[1]UNESCO (2021). Early Childhood Care and Education. Online. Available at: https://en.unesco.org/themes/early-childhood-care-and-education Accessed 14 December 2021*
*[2]National Health and Morbidity Survey 2017: Adolescent and Mental Health*
*Ministry of Health (2020). Under five deaths in Malaysia: Year 2016). Online. Available at: 698-technical-report-of-under-five-deaths-in-malaysia-2016-compressed (moh.gov.my). Accessed 12 October 2021.*
*[3]Tey, Nai P. 'The State of the Youth in Malaysia', Population Statistics Malaysia 2018, Population Studies Unit, 2019, p129, p139*
*[4]Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia*

Dasar ini mengambil kira perbezaan kualiti hidup kanak-kanak yang melibatkan kategori seperti berikut:-

**i. Kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan:**

Pada tahun 2019, 8.7% isi rumah yang ada kanak-kanak, hidup dalam kemiskinan jika dibandingkan dengan 2.1% isi rumah tanpa kanak-kanak. Sementara itu, 24.6% daripada isi rumah yang ada kanak-kanak adalah hidup kurang daripada 1.5 kali bawah garis kemiskinan dan berisiko tinggi untuk menjadi miskin tegar[5]. Kadar kemiskinan purata negara yang telah meningkat kepada 8.4% pada tahun 2020 akibat daripada pandemik COVID-19 yang menyebabkan tahap kemiskinan dalam kalangan kanak-kanak meningkat dengan ketara.

Kemiskinan kanak-kanak telah menyebabkan pelbagai kekurangan dan risiko yang mampu memberi kesan negatif ke atas peluang kehidupan kanak-kanak. Contohnya kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan, berisiko untuk tidak menghadiri sekolah atau berhenti sekolah atas beberapa faktor seperti ibu bapa atau penjaga yang tidak berkemampuan untuk membayar kos pengangkutan, pakaian seragam sekolah dan bekalan sekolah yang lain. Ini juga menyebabkan kanak-kanak berkenaan kurang berminat dan rendah kesedaran terhadap kepentingan pendidikan.

**ii. Kanak-kanak kurang upaya:**

Akta Orang Kurang Upaya 2008 telah menyatakan bahawa "Orang Kurang Upaya (OKU)" termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka masa panjang, iaitu dari sudut fizikal, mental, intelektual atau deria yang boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat. Kanak-kanak kurang upaya di negara ini kurang mempunyai akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi serta penyertaan sosial sehingga mengakibatkan keberhasilan hidup yang berbeza jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang lain[6]. Sehingga kini, populasi kanak-kanak kurang upaya di Malaysia ialah 4.7%[7].

[5] *(Khazanah Research Institute, 2021) Building Resilience: Towards Inclusive Social Protection in Malaysia*
[6] *UNICEF (2019). Issue Brief. Children with disabilities in Malaysia. United Nations' Children's Fund, Kuala Lumpur*
[7] *National Health and Morbidity Survey 2016: Maternal and Child Health*

### iii. Kanak-kanak daripada kalangan masyarakat peribumi:

Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Sarawak mewakili 14% daripada keseluruhan jumlah populasi di Malaysia pada tahun 2020. Kanak-kanak Orang Asli telah menunjukkan kadar kemiskinan, kematian, malpemakanan serta mengalami risiko kewujudan penyakit yang lebih tinggi[8]. Kanak-kanak Orang Asli juga mengalami risiko yang tinggi untuk tidak hadir atau keciciran sekolah[9]. Ini disebabkan beberapa faktor seperti infrastruktur asas yang tidak mencukupi, kekurangan fasiliti dan perkhidmatan seperti jalan perhubungan, bekalan elektrik dan telekomunikasi menyebabkan tahap pendidikan dalam kalangan Orang Asli rendah. Ini sekali gus akan mengurangkan mobiliti sosial dan keberhasilan hidup kumpulan ini.

### iv. Kanak-kanak berisiko

Kanak-kanak berisiko seperti mangsa pengabaian, penderaan, penganiayaan, eksploitasi, hamil luar nikah, jenayah dan perkahwinan bawah umur boleh menyebabkan mereka mengalami trauma. Ini akan menyebabkan risiko permasalahan fizikal, mental dan psikososial yang lebih tinggi. Perkara ini berlaku disebabkan oleh faktor kemiskinan, penyakit, keruntuhan institusi kekeluargaan, kematian ibu bapa, pemenjaraan atau penahanan ibu bapa, hilang keupayaan, diskriminasi, penyalahgunaan dadah dan bahan, konflik atau bencana.

### v. Kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang

Kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang atau sistem keadilan jenayah akan melalui beberapa proses termasuk siasatan polis dan prosiding Mahkamah. Sekiranya kanak-kanak didapati bersalah, mereka akan dikenakan perintah atau hukuman, antaranya adalah denda, bon berkelakuan baik, perintah khidmat masyarakat atau ditempatkan di Sekolah Diluluskan/ Sekolah Henry Gurney yang ditubuhkan bawah Akta 611 atau penjara. Seramai 3,457 kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah telah direkodkan pada tahun 2021 berbanding 5,342 pada tahun 2020[10]. Kanak-kanak bagi kategori ini juga mempunyai risiko yang tinggi untuk terus di diskriminasi dan cenderung untuk terjebak dengan kegiatan jenayah selepas mereka dibebaskan.

---

[8]*Orphan CARE, 2018. Strategic review of the system of caring for vulnerable children in Malaysia Case Study: Negeri Sembilan. Government of Malaysia and UNICEF (2020). Situation Analysis of Women and Children in Malaysia. United Nations Children's Fund. Kuala Lumpur. Child Rights Coalition Malaysia (2019). Status report on child rights in Malaysia. Selangor*

[9]*UNICEF (2018). Situation Analysis of Adolescents in Malaysia. Online. Available at: Situation Analysis of Adolescents in Malaysia | UNICEF Malaysia. Accessed 12 May 2021.*

[10]*Sumber: Kementerian Dalam Negeri*

# TERAS DASAR

Teras dasar ini mengambil kira semua prinsip asas yang diperlukan oleh kanak-kanak daripada aspek pencegahan, pembangunan, perlindungan, intervensi pemulihan dan pengintegrasian kanak-kanak dalam masyarakat. Ibu bapa/penjaga, komuniti, kerajaan, NGO dan sektor swasta perlu menyediakan perkhidmatan asas yang berfokuskan kepada kanak-kanak seperti pendidikan, kesihatan, sokongan sosioekonomi dan sistem sokongan sosial.

**Kitaran hidup**
***(Life cycle)***

Setiap kanak-kanak mempunyai tahap perkembangan yang berbeza yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti genetik, neurologi, fizikal, persekitaran serta emosi. Secara amnya, faktor persekitaran banyak mempengaruhi kanak-kanak.

Antara faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi perkembangan psikologi, sosial dan kelakuan kanak-kanak adalah persekitaran fizikal, geografi, pengaruh sosial dan hubungan dengan keluarga khususnya rakan sebaya, guru serta individu terdekat.

**Pelbagai dimensi**
***(Multi-dimentionality)***

Pelbagai dimensi ini mengambil kira tahap pendidikan, kesihatan dan taraf hidup yang diukur melalui sepuluh (10) indikator iaitu nutrisi, kematian kanak-kanak, tahun bersekolah, kehadiran ke sekolah, akses kepada bahan api memasak, sanitasi, air minuman, elektrik dan perumahan serta pemilikan aset[11].

**Keterangkuman/ Inklusiviti**
***(Inclusivity)***

Dasar ini menekankan prinsip keterangkuman yang meliputi penerimaan serta tanggungjawab dalam penyediaan akses terhadap kepentingan terbaik bagi setiap kanak-kanak. Prinsip ini terpakai dalam membuat semua keputusan, perancangan, pelaksanaan program dan akses perkhidmatan.

**Kesaksamaan/ Ekuiti**
***(Equity)***

Dasar ini menekankan prinsip sejagat untuk mendukung keperluan dan kepentingan yang unik bagi setiap kanak-kanak terutamanya kumpulan kanak-kanak rentan dan terpinggir. Oleh yang demikian, keutamaan diberikan untuk memenuhi keperluan bagi kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan sokongan tambahan.

[11] *Global Multidimensional Poverty Index / OPHI: https://ophi.org.uk/multidimensional-poverty-index/*

**Tanpa diskriminasi *(Non-discrimination)***

Dasar ini terpakai bagi semua kanak-kanak di Malaysia tanpa mengira jantina, umur, bangsa, etnik, ketidakupayaan, geografi, sosioekonomi serta agama. Namun, ia tertakluk kepada peraturan dan perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

**Kepentingan terbaik kanak-kanak *(Best interest of the child)***

Kepentingan terbaik kanak-kanak hendaklah diberikan keutamaan dalam pelaksanaan undang-undang, dasar, inisiatif kerajaan, aspek pentadbiran serta keputusan kehakiman.

**Hak yang saling bergantung *(Interdependence of rights)***

Semua hak kanak-kanak saling bergantung dan mempengaruhi di antara satu sama lain. Justeru, kanak-kanak perlu dilindungi daripada sebarang diskriminasi, dihormati dan dipenuhi hak berdasarkan peraturan dan perundangan sedia ada yang sedang berkuat kuasa

**Berasaskan keluarga *(Family focused)***

Kesejahteraan kanak-kanak adalah bergantung kepada keupayaan dan kefungsian institusi keluarga untuk memelihara, melindungi serta memenuhi aspek keperluan fizikal, mental, emosi dan sosial kanak-kanak. Keberhasilan kanak-kanak bermula pada peringkat institusi keluarga di mana ibu bapa hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan ilmu asas yang penting bagi mendidik mereka dengan sempurna.

**Penyetempatan *(Localization)***

Pelaksanaan Dasar ini hendaklah disesuaikan dengan budaya setempat serta mematuhi perundangan yang sedang berkuat kuasa memandangkan Malaysia memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, adat dan agama.

**Penyampaian perkhidmatan yang holistik *(Holistic service delivery)***

Penyampaian perkhidmatan kepada kanak-kanak hendaklah bersifat holistik dan merentas pelbagai aspek seperti perundangan, pendidikan, kesihatan dan pemakanan, pemeliharaan dan perlindungan, pembasmian kemiskinan, keselamatan, sistem sokongan sosial, advokasi dan kesedaran, pengukuhan institusi kekeluargaan dan penerapan nilai-nilai murni.

# OBJEKTIF DASAR DAN KEUTAMAAN STRATEGIK

Terdapat empat (4) objektif utama Dasar Kanak-Kanak Negara dengan 16 Keutamaan Strategi yang akan memandu arah kepada Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara. Setiap objektif meliputi beberapa keutamaan yang telah dikenal pasti melalui sesi libat urus bersama-sama Kerajaan Persekutuan, Negeri Sabah dan Sarawak, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik dan masyarakat sivil termasuk kanak-kanak di Malaysia.

# OBJEKTIF 1

## MENAMBAH BAIK PELUANG KANAK-KANAK UNTUK MENERUSKAN KELANGSUNGAN HIDUP SECARA SIHAT DAN SELAMAT MELALUI PERKHIDMATAN KESIHATAN, SOKONGAN DAN BANTUAN SOSIAL

Perkara 6 CRC menyatakan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup. Perkara 24 CRC pula menyatakan bahawa setiap kanak-kanak juga mempunyai hak untuk mencapai tahap kesihatan yang terbaik daripada sudut fizikal dan mental. Hak kesihatan bukan sahaja merangkumi hak penjagaan dan penentuan tahap kesihatan tetapi juga termasuk hak-hak lain seperti akses kepada air yang bersih, sanitasi, pemakanan dan perumahan, keadaan tempat kerja dan persekitaran yang sihat, pendidikan dan maklumat berkaitan kesihatan termasuk kesihatan reproduktif dan sosial (SRH).

Justeru itu, tiga (3) keutamaan strategik telah dikenal pasti bagi mencapai objektif ini iaitu:

**Keutamaan Strategik 1:**
Menambah baik tahap kesihatan dalam kalangan kanak-kanak

**Keutamaan Strategik 2:**
Mencegah kemalangan dan menangani ancaman baharu kepada kelangsungan hidup kanak-kanak

**Keutamaan Strategik 3**:
Meningkatkan usaha bagi mencegah dan menangani masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak dan ibu mengandung

## KEUTAMAAN STRATEGIK 1
### Menambah baik tahap kesihatan dalam kalangan kanak-kanak

Semenjak kemerdekaan, perkhidmatan kesihatan yang disediakan telah berkembang dari segi akses kepada perkhidmatan dan revolusi jenis rawatan dan peralatan. Perkembangan kesihatan ini telah meningkatkan status kesihatan kanak-kanak. Ini dapat dilihat dengan pengurangan morbiditi dan mortaliti dalam kumpulan umur ini.

Akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kemajuan teknologi antara penyumbang kepada peningkatan taraf kesihatan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu jurang ketidaksamaan disebabkan status sosioekonomi dan perubahan tingkah laku menjurus kepada kepentingan kesihatan. Selain itu, sebanyak 18% golongan ibu mengandung yang tidak mempunyai pendidikan formal juga didapati kurang mendapat vaksinasi penuh.

Impak kesihatan kanak-kanak terhadap masalah berat badan menyebabkan risiko untuk mendapat penyakit tidak berjangkit seperti kardiovaskular, diabetes dan hipertensi akan meningkat.



**Objektif 1**

Menambah baik peluang kanak-kanak untuk meneruskan kelangsungan hidup secara sihat dan selamat melalui perkhidmatan kesihatan, keperluan asas, sokongan dan bantuan sosial.

**Keutamaan Strategik 1**

Menambah baik tahap kesihatan dalam kalangan kanak-kanak.

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Memperluaskan perkhidmatan klinik maya untuk penjagaan kesihatan kanak-kanak. | 1. Jumlah klinik maya yang memberikan perkhidmatan kesihatan kanak-kanak diwujudkan; dan<br>2. Bilangan kanak-kanak yang menerima perkhidmatan melalui klinik maya. | 1. 300 klinik maya bagi perkhidmatan kesihatan kanak-kanak yang diwujudkan pada 2026; dan<br>2. Peningkatan 5% setiap tahun bilangan kanak-kanak yang menerima perkhidmatan secara maya. | Pendek 2026 | **Peneraju** KKM | Kesihatan kanak-kanak dipertingkatkan melalui akses yang lebih mudah dan meluas kepada perkhidmatan kesihatan melalui klinik maya. |
| 2. | Menerbitkan bahan pendidikan kesihatan kanak-kanak dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa suku orang Asli dan etnik di Sabah dan Sarawak, termasuk bahan yang mesra OKU. | Jumlah bahan pendidikan yang dihasilkan dalam pelbagai bahasa. | Sekurang-kurangnya satu (1) bahan pendidikan kesihatan kanak-kanak pelbagai bahasa diterbitkan setiap tahun mulai 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** KKM<br>**Pelaksana** JAKOA KEMAS | Pendidikan kesihatan kanak-kanak dipertingkatkan melalui bahan pendidikan yang diterbitkan dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa suku orang Asli dan etnik di Sabah dan Sarawak, dan bahan yang mesra OKU. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 1

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Memperkukuhkan advokasi pendidikan kesihatan berkaitan imunisasi kanak-kanak. | 1. Jumlah bahan pendidikan yang dihasilkan; dan<br>2. Sambutan Hari Imunisasi Kebangsaan. | 1. Bahan pendidikan kesihatan berkaitan imunisasi dihasilkan setiap tahun; dan<br>2. Sambutan Hari Imunisasi Kebangsaan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JPNIN<br>NGO<br>YKN | Kesedaran dan pengetahuan ibu bapa dan kanak-kanak mengenai kepentingan imunisasi meningkat melalui program advokasi pendidikan kesihatan yang diperkukuhkan. |
| 4. | Melaksanakan program sokongan keibubapaan berasaskan komuniti bagi meningkatkan kesihatan anak. | Jumlah program sokongan berasaskan komuniti yang dijalankan. | Sebanyak 250 siri sokongan keibubapaan berasaskan komuniti kepada 25,000 ibu bapa dijalankan setiap tahun mulai 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKDW<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KPKT<br>NGO<br>LPPKN | Kesihatan kanak-kanak meningkat melalui sokongan dan pendidikan yang diterima oleh ibu bapa dalam program keibubapaan berasaskan komuniti. |
| 5. | Mendukung NGO kebajikan dalam menyediakan dana dan sokongan sosial kepada keluarga yang menguruskan anak yang mengalami penyakit kronik. | Jumlah NGO yang disokong, jumlah keluarga yang menerima bantuan kewangan dan sokongan sosial. | 1. Sebanyak 2 NGO yang menerima dana kewangan pada setiap tahun; dan<br>2. Semua keluarga yang memohon dan berkelayakan menerima bantuan dan sokongan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKM | Keluarga yang menguruskan anak dengan penyakit kronik mendapat sokongan dan sumber yang diperlukan melalui kerjasama dengan NGO kebajikan. |
| 6. | Membina dan menyelaraskan laman sesawang *crowdfunding* bagi mengumpul dana kecemasan bagi kanak-kanak yang berkelayakan. | Laman web yang dibangunkan. | Laman web *crowdfunding* dibangunkan dan dilancarkan pada tahun 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM | Kanak-kanak yang berkelayakan menerima bantuan kewangan kecemasan dengan lebih cepat dan berkesan melalui laman web *crowdfunding*. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 2

### Mencegah kemalangan dan menangani ancaman baharu kepada kelangsungan hidup kanak-kanak

Kemalangan jalan raya dan kecederaan merupakan punca utama kematian kanak-kanak berumur bawah lima (5) tahun dan penyebab utama kemasukan ke fasitili kesihatan kerajaan. Antara risiko lain yang dihadapi oleh kanak-kanak termasuk terjatuh, keracunan, kebakaran atau terbakar, sesak nafas, tertelan atau tercekik bendasing dan lemas, di mana 99% daripada punca kemalangan ini boleh dicegah. Di Malaysia, pada tahun 2016, daripada 308 kematian yang disebabkan oleh kecederaan dalam kalangan kanak-kanak yang berumur lima (5) tahun ke bawah, 34.7% adalah kemalangan jalan raya, 22.1% akibat lemas, 15.3% akibat penderaan, 2.9% akibat luka terbakar, 2.3% akibat jatuh dari tempat yang tinggi dan bakinya adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang lain. 56.5% kecederaan ini berlaku dalam persekitaran rumah[12].

Pencemaran alam sekitar seperti air larut resap dari tapak pelupusan sampah dan bahan kimia hasil daripada aktiviti pertanian dan perkilangan boleh mencemarkan sumber air yang terawat sehingga membahayakan perkembangan kanak-kanak dan menyebabkan kematian. Pengurusan sisa buangan berbahaya dan pembuangan haram merupakan antara isu yang telah lama wujud di Malaysia. Masalah jerebu yang mengakibatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak sihat juga telah menjadi salah satu punca berlakunya penutupan sekolah. Pada September 2019, hampir 2,500 sekolah ditutup di seluruh Malaysia, menjejaskan sekurang-kurangnya 1.7 juta murid[13].

Perubahan iklim pula memburukkan lagi risiko pencemaran terutamanya apabila taburan hujan yang tinggi telah menyebabkan berlakunya banjir sehingga mencemarkan sumber air semula jadi. Perubahan iklim juga memberi ancaman serius terhadap sektor pertanian yang akan turut mempengaruhi jaminan keselamatan makanan. Selain itu, perubahan iklim yang berlaku secara ekstrem meningkatkan lagi kebarangkalian berlakunya bencana alam seperti tanah runtuh, kemarau dan lain-lain yang menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada risiko kecederaan, kesihatan dan kematian.

[12] *Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia*
[13] *The Straits Times (2019) Schools in Peninsular Malaysia closed due to haze,*

**Objektif 1**

Menambah baik peluang kanak-kanak untuk meneruskan kelangsungan hidup secara sihat dan selamat melalui perkhidmatan kesihatan, keperluan asas, sokongan dan bantuan sosial.

**Keutamaan Strategik 2**

Mencegah kemalangan dan menangani ancaman baharu kepada kelangsungan hidup kanak-kanak

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menganjurkan program advokasi dan intervensi keselamatan jalan raya di sekolah. | Jumlah program yang dianjurkan. | Sebanyak dua (2) program advokasi keselamatan jalan raya dianjurkan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>MOT<br>**Pelaksana**<br>JPJ<br>KPM | Peningkatan pengetahuan dan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya serta pengurangan insiden kemalangan jalan raya yang melibatkan kanak-kanak. |
| 2. | Menyediakan pelan komunikasi dan bahan pendidikan serta melaksanakan advokasi "Pencegahan Kemalangan di Rumah" untuk meningkatkan kesedaran keselamatan kanak-kanak di kalangan pengasuh dan keluarga. | Jumlah bahan advokasi yang diterbitkan dan diedarkan. | Sebanyak satu (1) bahan advokasi "Strategi Keselamatan dan Pencegahan Kemalangan di Rumah" diterbitkan dan diedarkan setiap tahun mulai 2026 | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KK<br>JBPM<br>JKM<br>KKM<br>APM<br>LPPKN<br>KKDW | Peningkatan kesedaran dan pengetahuan tentang pencegahan kemalangan di rumah, serta pengurangan insiden kemalangan yang melibatkan kanak-kanak. |
| 3. | Menggalakkan model kenderaan baharu dilengkapi dengan sistem amaran penumpang belakang. | Jumlah kenderaan baru yang dilengkapi dengan sistem amaran penumpang belakang, penurunan kes kanak-kanak tertinggal dalam kereta. | Sebanyak 30% kenderaan baru yang dinilai di bawah ASEAN NCAP dilengkapi dengan sistem amaran penumpang belakang menjelang 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>MOT<br>**Pelaksana**<br>MIROS | Peningkatan tahap keselamatan kanak-kanak dalam kenderaan dengan pengurangan risiko kanak-kanak tertinggal dalam kenderaan serta kesedaran pengguna tentang bahaya ini. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 2

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Kempen kesedaran mengenai keselamatan jalan raya termasuklah pendidikan terhadap masyarakat tentang risiko meninggalkan kanak-kanak dalam kenderaan. | Kempen yang dijalankan. | Kempen kesedaran nasional di media cetak, elektronik, dan media sosial dilancarkan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>MOT<br><br>**Pelaksana**<br>JPJ<br>KK<br>JBPM<br>PDRM<br>JKM | Peningkatan kesedaran masyarakat tentang risiko meninggalkan kanak-kanak dalam kereta, pengurangan insiden, dan peningkatan pelaporan awam tentang situasi bahaya ini. |
| 5. | Melatih kepimpinan kanak-kanak dalam isu perubahan iklim sebagai agen perubahan. | Jumlah sesi dialog dengan kanak-kanak mengenai perubahan iklim dan jumlah program kepimpinan mengenai perubahan iklim yang melibatkan kanak-kanak. | 1. Satu (1) sesi dialog antara kanak-kanak dan pembuat dasar mengenai perubahan iklim telah diadakan;<br>2. Sebanyak satu (1) program latihan kepimpinan mengenai perubahan iklim dijalankan setiap tahun.<br>3. 80% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>NRES<br><br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JAS<br>MARA<br>KKM<br>NGO<br>SUHAKAM | Kanak-kanak menjadi agen perubahan yang aktif dalam isu perubahan iklim, meningkatkan kesedaran dan tindakan mereka terhadap perubahan iklim. |
| 6. | Mengintegrasikan pendidikan perubahan iklim dalam program sekolah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kanak-kanak tentang perubahan iklim dan impaknya. | Kurikulum yang mengintegrasikan pendidikan perubahan iklim, jumlah aktiviti dan projek berkaitan perubahan iklim. | 1. Kurikulum sekolah dikaji semula untuk mengintegrasikan pendidikan perubahan iklim di semua peringkat; dan<br>2. Sebanyak dua (2) aktiviti dan projek berkaitan perubahan iklim di sekolah dan komuniti dilaksanakan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br><br>**Pelaksana**<br>NGO<br>PBT (MBPP, MBM)<br>MET Malaysia,<br>Kerajaan Negeri,<br>KKM | Kesedaran dan pengetahuan kanak-kanak tentang perubahan iklim dan impaknya meningkat melalui program pendidikan di sekolah. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 2

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Memberikan latihan untuk profesional kesihatan, termasuk pakar pediatrik, tentang impak perubahan iklim terhadap kesihatan kanak-kanak. | Jumlah latihan dan seminar yang dijalankan. | 1. Sebanyak satu (1) latihan dijalankan setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak satu (1) seminar tahunan tentang perubahan iklim dan kesihatan kanak-kanak diadakan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>JKN | Profesional kesihatan lebih memahami dan bersedia menangani impak perubahan iklim terhadap kesihatan kanak-kanak melalui pendidikan dan latihan yang diberikan. |
| 8. | Menyokong Inisiatif Adaptasi Berasaskan Komuniti terhadap perubahan iklim. | Jumlah inisiatif komuniti yang disokong. | Sebanyak satu (1) inisiatif adaptasi berasaskan komuniti disokong setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>NRES<br>**Pelaksana**<br>Kerajaan Negeri<br>PBT (MBM, MBPP) | Peningkatan daya tahan komuniti terhadap perubahan iklim, peningkatan perlindungan kanak-kanak, dan pengurangan kerentanan kanak-kanak terhadap impak perubahan iklim. |
| 9. | Melaksanakan program pendidikan asas keselamatan bencana bagi kanak-kanak. | Modul pendidikan, jumlah latihan | 1. Sebanyak satu (1) modul pendidikan asas keselamatan bencana menjelang tahun 2026. Modul ini merangkumi semua aspek bencana termasuk air;<br>2. Pelaksanaan di sekolah melalui aktiviti kokurikulum; dan<br>3. Sebanyak satu (1) program pendidikan keselamatan diadakan di 300 buah sekolah bermula tahun 2027. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>APM<br>JBPM<br>KK | Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak mengenai keselamatan air, keselamatan semasa banjir dan bencana, peningkatan keberkesanan tindak balas kecemasan dan sokongan pasca bencana di kalangan kanak-kanak, serta pengurangan insiden lemas di kalangan kanak-kanak. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 2

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10. | Memudah cara proses pendaftaran sekolah swasta agar mematuhi syarat-syarat keselamatan. | Jumlah sekolah swasta yang melalui proses pemudahcaraan. | Sebanyak satu (1) program memudah cara pendaftaran untuk sekolah swasta di seluruh negara dilaksanakan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>PBT (MBPP)<br>KPKT<br>JAIN | Pendaftaran dan pematuhan syarat-syarat keselamatan bagi sekolah swasta dipermudahkan, meningkatkan keselamatan dan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. |
| 11. | Melaksanakan latihan keselamatan kebakaran secara berkala di sekolah-sekolah, pusat ECCE, pusat pembelajaran komuniti dan alternatif. | Jumlah sekolah, pusat ECCE dan pusat pembelajaran komuniti dan alternatif yang melaksanakan latihan keselamatan kebakaran. | Sebanyak 100 sekolah, pusat ECCE, pusat pembelajaran komuniti dan alternatif menjalankan latihan keselamatan kebakaran satu (1) kali setiap tahun. | Sederhana 2026-2027 | **Peneraju**<br>KPKT<br>**Pelaksana**<br>JBPM<br>JPNIN<br>KEMAS | Peningkatan kesedaran dan kesiapsiagaan terhadap kebakaran di kalangan murid dan kakitangan sekolah, serta pengurangan insiden kecederaan dan kerosakan harta benda akibat kebakaran di semua jenis institusi pendidikan. |
| 12. | Mewujudkan dan menaik taraf lebih banyak kawasan hijau dan taman yang mesra kanak-kanak yang inklusif. | Jumlah kawasan hijau dan taman yang dibina atau di naik taraf menjadi mesra kanak-kanak. | Sebanyak lima (5) kawasan hijau dan taman mesra kanak-kanak diwujudkan di bandar dan luar bandar menjelang 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPKT<br>**Pelaksana**<br>PBT (MBPP) | Peningkatan bilangan dan akses kepada kawasan hijau dan taman yang mesra kanak-kanak, serta peningkatan kesihatan fizikal dan kesejahteraan kanak-kanak. |
| 13. | Menganjurkan program atau aktiviti yang dapat menggalakkan serta memupuk pembudayaan amalan kebersihan dan juga 3R. | Jumlah acara, pameran dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti ceramah dan program membersihkan kawasan. | Sebanyak dua (2) program dan aktiviti dianjurkan di komuniti setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPKT<br>**Pelaksana**<br>NGO<br>JAS<br>NRES<br>KPKT<br>PBT (MBPP)<br>KPM | Peningkatan kesedaran dan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti kitar semula, peningkatan kadar kitar semula di komuniti, serta amalan kitar semula di rumah. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 2

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 14. | Mengintegrasikan topik kitar semula merentasi pelbagai subjek di sekolah. | Jumlah subjek yang mengintegrasikan topik kitar semula. | Topik kitar semula diintegrasikan merentas subjek. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM | Peningkatan kesedaran dan pemahaman murid tentang kitar semula melalui pembelajaran antara disiplin, serta peningkatan amalan kitar semula di kalangan murid dan keluarga mereka. |
| 15. | Menyediakan sumber rujukan dan panduan keselamatan yang mensasarkan kepada kanak-kanak. | Sumber dan panduan yang dihasilkan dan diedarkan. | Sebanyak satu (1) sumber rujukan dan panduan keselamatan dihasilkan dan diedarkan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br><br>**Pelaksana**<br>KK<br>JBPM<br>KKM<br>APM | Peningkatan kesedaran dan keselamatan kanak-kanak dalam pelbagai aspek kehidupan, serta pengurangan risiko yang berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 3

### Meningkatkan usaha bagi mencegah dan menangani masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak dan ibu mengandung

Malaysia kini berhadapan dengan masalah beban berganda malpemakanan iaitu situasi di mana masalah kekurangan dan berlebihan pemakanan wujud pada masa yang sama sepanjang fasa kanak-kanak. Di samping masalah bantut dan susut dalam kalangan kanak-kanak bawah lima (5) tahun yang amat membimbangkan, masalah berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak serta penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan turut meningkat. Prevalens bantut dalam kanak-kanak bawah umur lima (5) tahun adalah lebih kurang sama iaitu 21.3% pada 2016 dan 21.2% pada 2022. Prevalens kurang berat badan menunjukkan peningkatan iaitu 13.7% pada 2016 kepada 15.3% pada 2022. Manakala, prevalens susut menunjukkan penurunan daripada 11.5% pada tahun 2016 kepada 11.0% pada 2022. Prevalens berlebihan berat badan menunjukkan penurunan daripada 6.4% pada tahun 2016 kepada 6.0% pada 2022. Walau bagaimanapun, prevalens bantut dan susut masih diklasifikasikan tinggi dan signifikan untuk kesihatan awam[14].

Selain itu, berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan remaja berumur antara sepuluh (10) sehingga 12 tahun meningkat daripada 30.4% pada tahun 2012 kepada 33.7% pada tahun 2017; manakala prevalens remaja berumur di antara 13 sehingga 17 tahun turut meningkat daripada 24.6% pada tahun 2012 kepada 30.5% pada tahun 2022[15]. Prevalens anemia dalam kalangan wanita pada umur reproduktif, (15 hingga 49 tahun) iaitu 34.7% pada tahun 2015. Walaupun prevalens anemia menurun ke 29.9% pada tahun 2019, namun ia masih kekal sebagai isu kesihatan awam dan belum mencapai sasaran yang ditetapkan dalam SDG[16]. Statistik tersebut telah menunjukkan cabaran dalam menjamin akses kepada pemakanan berkhasiat dan seimbang.

Masalah beban berganda malpemakanan bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan kanak-kanak, malah turut memberi kesan terhadap perkembangan kognitif yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik dan potensi kecemerlangan mereka. Apabila mencapai peringkat dewasa, mereka berisiko mendapat penyakit tidak berjangkit seperti diabetes yang mampu menjejaskan produktiviti mereka.

Antara penyebab beban berganda malpemakanan termasuklah ketidakmampuan untuk mendapat bekalan makanan yang bernutrisi dalam kuantiti yang mencukupi di kalangan keluarga yang berpendapatan rendah. Ia juga disebabkan oleh pilihan makanan yang kurang berkhasiat terutamanya dipengaruhi oleh pengiklanan; tidak aktif secara fizikal; masalah kebersihan dan akses sumber air bersih dalam kalangan golongan terpinggir serta sokongan yang terhad kepada wanita bekerja untuk meneruskan penyusuan bayi secara eksklusif.

Oleh yang demikian, program advokasi dan kesedaran bagi pengesanan awal masalah beban berganda malpemakanan melalui saringan adalah penting untuk membantu kanak-kanak mencapai pertumbuhan dan perkembangan yang optimum dan mengelakkan kes kematian[17].

---

[14] *National Health and Morbidity Survey 2016 & 2012*
[15] *National Health and Morbidity Survey (Adolescent) 2022;*
[16] *Malaysia Voluntary National Review (VNR) 2021; National Health and Morbidity Survey (NCD) 2015; National Health and Morbidity Survey (NCD) 2019*
[17] *National Health and Morbidity Survey 2016: Maternal and Child Health*

**Objektif 1**

Menambah baik peluang kanak-kanak untuk meneruskan kelangsungan hidup secara sihat dan selamat melalui perkhidmatan kesihatan, keperluan asas, sokongan dan bantuan sosial.

**Keutamaan Strategik 3**

Meningkatkan usaha bagi mencegah dan menangani masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak dan ibu mengandung

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Mewujudkan ekosistem yang menyokong penyusuan susu ibu di tempat kerajaan. | Setiap kementerian, jabatan, dan agensi kerajaan melaksanakan sekurang-kurangnya satu inisiatif yang menyokong ekosistem penyusuan susu ibu yang tersenarai:<br>(i) Pelaksanaan waktu kerja anjal untuk kemudahan ibu menyusukan anak;<br>(ii) Pemberian insentif untuk pembelian alatan penyusuan kepada pekerja wanita;<br>(iii) Melaksanakan program penyusuan susu ibu/ penubuhan kelab sokongan penyusuan susu ibu di tempat kerja;<br>(iv) Menyediakan ruang/ bilik penyusuan susu ibu di tempat kerja;<br>(v) Menyediakan kemudahan penyimpanan susu ibu di tempat kerja;dan<br>(vi) Lain-lain inisiatif yang menyokong penyusuan susu ibu di tempat kerja. | Setiap kementerian, jabatan, dan agensi melaksanakan sekurang-kurangnya satu inisiatif yang menyokong ekosistem penyusuan susu tersenarai. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>Semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan | Sekurang-kurangnya 70% prevalen penyusuan susu ibu secara eksklusif menjelang 2030. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 3

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2. | Menjalankan kolaborasi antara agensi bagi advokasi pemakanan sihat berpandukan *Malaysian Dietary Guidelines* | Bilangan aktiviti kolaborasi antara agensi. | Sebanyak satu (1) aktiviti kolaborasi antara agensi dilaksanakan di setiap negeri dan kebangsaan. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KEMAS<br>JAKOA<br>MARA<br>KK<br>NGO<br>Badan Profesional<br>JPNIN<br>JAKIM | Sinergi antara agensi dalam advokasi pemakanan sihat kanak-kanak. |
| 3. | Memperluaskan liputan Latihan Katering Sihat (LKS) kepada pengendali dan pengusaha kantin sekolah bagi menggalakkan pilihan makanan yang lebih sihat dijual di sekolah. | Bilangan liputan sekolah yang mendapat Latihan Katering Sihat. | Sekurang-kurangnya 50% buah sekolah dilatih dengan Latihan Katering Sihat setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KPKT<br>Kerajaan Negeri<br>KPM | Premis makanan menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat. |
| 4. | Memantau penjualan makanan dan minuman berkhasiat di sekolah | Kadar kepatuhan kantin sekolah berdasarkan panduan yang ditetapkan | Kadar kepatuhan meningkat sebanyak 10% pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>MARA<br>KKM | Kepatuhan terhadap peraturan penjualan makanan bernutrisi sihat di sekolah dipertingkatkan bagi memastikan akses murid kepada makanan yang sihat dan seimbang. |
| 5. | Menganjurkan program yang memberi tumpuan pada budaya fizikal, sukan, dan rekreasi bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak. | Jumlah program yang dianjurkan. | Sebanyak empat (4) acara dan program sukan serta rekreasi berfokuskan kanak-kanak diadakan pada setiap tahun bermula 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>KKM<br>KBS | Peningkatan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti fizikal, sukan, dan rekreasi, peningkatan gaya hidup sihat, serta pengurangan kadar obesiti di kalangan kanak-kanak. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 3

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Memperkukuh program advokasi kepada ibu bapa berkaitan kesihatan dan pemakanan bagi 1,000 hari pertama kehidupan kanak-kanak. | Bilangan aktiviti advokasi 1,000 hari pertama kehidupan dilaksanakan | Sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti advokasi dilaksanakan di setiap daerah. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KKM<br>KEMAS<br>LPPKN<br>NGO<br>Badan Profesional | Ibu bapa lebih memahami dan menggalakkan pemakanan sihat, perubahan tingkah laku pemakanan, dan aktiviti fizikal, meningkatkan kesihatan kanak-kanak. |
| 7. | Membangunkan modul dan menjalankan latihan bagi memperkasakan ibu bapa dengan pengurusan anak yang berlebihan berat badan dan obesiti. | 1. Jumlah modul yang dihasilkan.<br>2. Jumlah sesi latihan yang dijalankan. | 1. Sebanyak satu (1) modul pemerkasaan ibu bapa dihasilkan menjelang tahun 2026; dan<br>2. Sebanyak satu (1) sesi latihan dijalankan di setiap negeri mulai 2027. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>LPPKN | Peningkatan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa dengan pengurusan anak yang berlebihan berat badan dan obesiti. |
| 8. | Melaksanakan program 'Bermain di Jalanan' dengan menutup sementara jalan-jalan awam untuk menyediakan ruang permainan selamat dan percuma bagi kanak-kanak di kawasan yang kekurangan taman permainan. | Jumlah jalan yang ditutup sementara. | Sebanyak lima (5) jalan awam terpilih ditutup sementara untuk program 'Bermain di Jalanan'. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>PDRM<br>NGO<br>PBT | Peningkatan jumlah ruang permainan selamat dan percuma bagi kanak-kanak, peningkatan dalam aktiviti fizikal dan sosial kanak-kanak, serta pengurangan masalah kesihatan berkaitan kekurangan aktiviti fizikal di kalangan kanak-kanak. |
| 9. | Meningkatkan kadar cukai secara berperingkat terhadap Minuman Manis Bergula. | Kenaikan kadar cukai terhadap minuman manis bergula secara berperingkat kepada 20% daripada harga runcit mengikut saranan WHO. | Cadangan kenaikan kadar cukai terhadap minuman manis bergula secara berperingkat kepada 20% daripada harga runcit dipersetujui oleh Kerajaan. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>MOF (TAX)<br>UNICEF | Peningkatan harga dan penurunan pengambilan minuman manis yang dikenakan cukai dalam kalangan rakyat Malaysia. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 3

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10. | Menggalakkan kanak-kanak terlibat dalam penanaman tanaman makanan di sekolah bagi memperkenalkan makanan sihat kepada kanak-kanak. | Jumlah sekolah yang menyertai inisiatif menanam tanaman makanan meningkat setiap tahun. | 1. 2000 kit pemula projek tanaman makanan diberikan kepada sekolah;dan<br>2. Bilangan latihan kepada sekolah berkenaan kaedah penanaman. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPKM<br>**Pelaksana**<br>DOA | Peningkatan dalam pengetahuan awal kepada kanak-kanak mengenai tanaman makanan sihat. |
| 11. | Melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam kanak-kanak di Malaysia 2023-2030 dengan kerjasama antara agensi. | Peratus pencapaian pelaksanaan program/ inisiatif pemakanan dalam pelan BBM oleh kementerian/ agensi lain. | 1. Sebanyak 50% program/ inisiatif pemakanan dilaksanakan pada tahun 2027.<br>2. Sebanyak 70% program/ inisiatif pemakanan dilaksanakan hingga 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KKDW<br>JPNIN | Meningkatkan taraf pemakanan dan kesihatan kanak-kanak di Malaysia. |
| 12. | Menjalankan advokasi berkenaan persediaan sebelum kehamilan merangkumi skop kesihatan, pemakanan, kewangan, psikologi, sosial, keagamaan, keibubapaan. | Jumlah program penerangan yang dijalankan, jumlah bahan pendidikan yang diedarkan. | 1. Sebanyak dua (2) program penerangan berkenaan persediaan sebelum kehamilan dijalankan setiap tahun.<br>2. Sebanyak 20 bahan pendidikan diedarkan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>LPPKN<br>KKM<br>KBS<br>KPT<br>JAKIM<br>NGO | Kesedaran dan persediaan masyarakat mengenai aspek kesihatan, pemakanan, kewangan, psikologi, sosial, keagamaan, dan keibubapaan sebelum kehamilan meningkat melalui kempen yang komprehensif. |

Objektif 1 — Keutamaan Strategik 3

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 13. | Membudayakan keselamatan makanan (*food safety culture*) dalam kalangan kanak-kanak menerusi Program Perpaduan dan Keselamatan Negara (PADUKA), Germ Buster. | Bilangan aktiviti kolaborasi antara agensi. | Sebanyak satu (1) aktiviti kolaborasi antara agensi dilaksanakan di setiap negeri pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br><br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KEMAS<br>JPNIN<br>NGO | Sinergi antara agensi dalam advokasi untuk kanak-kanak tentang budaya keselamatan makanan. |
| 14. | Memberi taklimat KENDIRI/ ProKEM/ Keselamatan Makanan kepada pihak sekolah di bawah seliaan KPM / MARA / Agama Negeri / Swasta / Antarabangsa. | Bilangan taklimat diberikan. | Sebanyak lima (5) taklimat dilaksanakan di setiap negeri pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br><br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JAIN<br>MARA | Menyediakan makanan selamat dan berkualiti untuk kanak-kanak. |
| 15. | Memberi taklimat KENDIRI keselamatan makanan kepada pihak pengurusan pra sekolah/ pembantu pengurusan murid KPM / KEMAS / Perpaduan. | Bilangan taklimat diberikan. | Sebanyak dua (2) taklimat dilaksanakan di setiap negeri pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br><br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KEMAS<br>JPNIN | Menyediakan makanan selamat dan berkualiti untuk kanak-kanak. |

# OBJEKTIF 2

## MEMPERKUKUH ASPEK PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DARIPADA SEBARANG BENTUK KEGANASAN, EKSPLOITASI, PENDERAAN, PENGABAIAN TERMASUKLAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN SETERUSNYA DIBERI REHABILITASI DAN DIINTEGRASI KE DALAM KELUARGA DAN MASYARAKAT

Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian, termasuklah pemerdagangan orang. Hak perlindungan kanak-kanak meliputi hak seperti pendaftaran kelahiran dan akses kepada tatacara prosiding kes serta proses kehakiman yang mesra kanak-kanak.

Namun begitu, masalah bagi melindungi hak kanak-kanak daripada keganasan, eksploitasi, pengabaian dan penderaan masih wujud di Malaysia. Pada tahun 2021, 6,144 orang kanak-kanak didaftarkan sebagai orang yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan bawah Seksyen 17, Akta 611.

Justeru itu, lima (5) keutamaan strategik telah dikenal pasti bagi mencapai objektif ini iaitu:

**Keutamaan Strategik 4:**
Memperkukuh mekanisme perlindungan melalui pencegahan, pengesanan, proses rujukan dan intervensi terhadap kanak-kanak yang telah menjadi mangsa bagi penderaan, pengabaian, penganiayaan, eksploitasi serta keganasan rumah tangga

**Keutamaan Strategik 5:**
Mencegah pemisahan kanak-kanak daripada keluarga, dan menjamin pemeliharaan alternatif yang berkualiti dan perlindungan kanak-kanak yang tidak dijaga oleh ibu bapa, terpisah daripada keluarga, atau dimasukkan ke institusi

**Keutamaan Strategik 6:**
Memperkukuh perlindungan dan pencegahan terhadap eksploitasi dan pemerdagangan kanak-kanak

**Keutamaan Strategik 7:**
Perlindungan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang

**Keutamaan Strategik 8:**
Memastikan penggunaan internet yang selamat dan sesuai

[18] *Statistik Kanak-Kanak, Malaysia, 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia*

## KEUTAMAAN STRATEGIK 4

### Memperkukuh mekanisme perlindungan melalui pencegahan, pengesanan, proses rujukan dan intervensi terhadap kanak-kanak yang telah menjadi mangsa bagi penderaan, pengabaian, penganiayaan, eksploitasi, keganasan rumah tangga

Penderaan dan eksploitasi kanak-kanak semakin meningkat. Penderaan ke atas kanak-kanak dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi. Bilangan keseluruhan kes penderaan melibatkan kanak-kanak bagi lima (5) tahun yang berturutan adalah sebanyak 3,547 kes (2019), 3,564 kes (2020), 3,760 kes (2021), 3,489 kes (2022) dan diikuti dengan 1,633 kes (sehingga Mei 2023)[19].

Menurut PDRM, serangan amang seksual secara fizikal (rogol berkumpulan, sumbang mahram, seks luar tabii dan cabul) terhadap kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2019 adalah berjumlah 732 kes dan ia meningkat kepada 993 kes pada tahun 2020, manakala pada tahun 2021 sebanyak 952 kes telah dilaporkan[20].

Selain itu, eksploitasi seksual secara dalam talian ke atas kanak-kanak juga dilihat semakin meningkat terutamanya kesalahan pornografi yang membabitkan perkongsian dan capaian kepada bahan pornografi walaupun telah wujud Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*]. Trend ini menunjukkan perkembangan yang tidak sihat memandangkan pendedahan kepada bahan pornografi kanak-kanak mendorong kepada ketagihan seks dan akhirnya boleh membawa kepada perlakuan seksual. Manakala gangguan seksual dan perkahwinan bawah umur serta mangsa keganasan rumah tangga masih wujud.

Lonjakan insiden buli dalam kalangan murid di sekolah telah menjadi trend jenayah moden yang agak membimbangkan. Pada tahun 2022, kes buli dalam kalangan murid pada peringkat sekolah rendah dilaporkan sebanyak 726 kes, sementara pada peringkat sekolah menengah pula adalah sebanyak 2,792 kes[21].

[19]*Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat*
[20]*Sumber: Polis Diraja Malaysia*
[21]*Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia*

**Objektif 2**

Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan di integrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.

**Keutamaan Strategik 4**

Memperkukuh mekanisme perlindungan melalui pencegahan, pengesanan, proses rujukan dan intervensi terhadap kanak-kanak yang telah menjadi mangsa bagi penderaan, pengabaian, penganiayaan, eksploitasi serta keganasan rumah tangga.

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Melaksanakan program advokasi pencegahan di sekolah tentang semua jenis penderaan kanak-kanak untuk mendidik kanak-kanak tentang hak mereka, strategi keselamatan, kemahiran sosioemosi, dan mengenal pasti risiko. | Jumlah sekolah yang melaksanakan program advokasi, jumlah program. | 1. Program pendidikan pencegahan penderaan kanak-kanak dijalankan di 100 buah sekolah pada setiap tahun; dan<br>2. Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak diperluas kepada 30 buah sekolah di setiap JPN. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>KKDW<br>JAIN<br>JAKIM<br>KKM<br>PDRM<br>AADK | Peningkatan kesedaran dan pengetahuan tentang hak kanak-kanak, keselamatan, kemahiran sosial-emosi, serta pengurangan insiden penderaan kanak-kanak |
| 2. | Mengintegrasikan pendidikan pencegahan penderaan kanak-kanak ke dalam kurikulum latihan perguruan yang sedia ada, dengan fokus pada peraturan pencegahan yang jelas, dan koordinasi yang berkesan dengan pihak berkepentingan. | Kurikulum latihan perguruan yang mengintegrasikan pendidikan pencegahan penderaan. | Pendidikan pencegahan penderaan kanak-kanak diintegrasikan dalam kurikulum. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>KPT<br>JKM<br>KEMAS<br>KPN<br>SUHAKAM | Peningkatan kesedaran dan pengetahuan guru tentang pencegahan penderaan seksual kanak-kanak, serta peningkatan koordinasi dan tindakan segera terhadap kes penderaan seksual kanak-kanak. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 4

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Memperkasa advokasi berasaskan komuniti untuk meningkatkan kesedaran tentang tanda-tanda penderaan dan penganiayaan, serta menyediakan panduan tentang tindak balas yang berkesan. | Jumlah komuniti yang terlibat dalam program advokasi yang dijalankan. | 10 sesi advokasi dan bengkel komuniti diadakan di seluruh negara pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>KK<br>SUHAKAM<br>KPN<br>NGO<br>KKM | Peningkatan kesedaran komuniti tentang tanda-tanda penderaan dan penganiayaan, peningkatan tindak balas yang berkesan terhadap kes penderaan, serta peningkatan laporan dan tindakan terhadap kes penderaan kanak-kanak. |
| 4. | Melaksanakan inisiatif kaunseling keluarga untuk memperbaiki interaksi ibu bapa dan anak serta meningkatkan motivasi bagi semua keluarga, termasuk yang berisiko. | Jumlah sesi kaunseling keluarga | Sebanyak 3,000 sesi kaunseling dilaksanakan setiap tahun bermula 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>AADK<br>KKM | Peningkatan kemahiran keibubapaan dan hubungan positif antara ibu bapa dan anak-anak, serta pengurangan risiko dan kes penderaan serta pengabaian di kalangan keluarga yang terlibat. |
| 5. | Memperluas dan menambah baik pelaksanaan program advokasi mengenai keselamatan diri kanak-kanak dan sentuhan selamat (*safe touch*) kepada kanak-kanak dan orang dewasa. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program advokasi keselamatan diri dan sentuhan selamat dijalankan setiap tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JKM<br>NGO | Peningkatan kesedaran dan pencegahan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak serta peningkatan dalam laporan kes kepada pihak berkuasa. |
| 6. | Melaksanakan program pembimbing murid yang merangkumi inisiatif anti-buli dan buli siber, peningkatan kecekapan sosial, serta pendidikan resolusi konflik bagi mencegah delinkuensi dan tingkah laku antisosial. | Jumlah program yang dijalankan. | Menjalankan 10 program anti-buli dan resolusi konflik di sekolah-sekolah setiap tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>MCMC | Pengurangan dalam kes buli, penggunaan dadah, dan tingkah laku antisosial di kalangan kanak-kanak melalui program berasaskan komuniti yang komprehensif. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 4

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Menjalankan program pencegahan di sekolah agar guru/ pemimpin murid dapat mengenal pasti ciri-ciri buli nyata dan siber serta tindakan susulan segera yang sesuai. | Jumlah program pencegahan yang dijalankan. | Sebanyak 10 sesi program pencegahan dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM | Kesedaran dan keupayaan kanak-kanak untuk mengenal pasti ciri-ciri buli serta tindak balas segera yang sesuai meningkat, mengurangkan kejadian buli di sekolah. |
| 8. | Meneruskan program pencegahan, program sokongan seperti kaunseling kepada mangsa dan program intervensi kepada pembuli. | Program yang dijalankan. | Program sokongan dan intervensi diteruskan kepada semua mangsa dan pembuli. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM | Kesejahteraan emosi mangsa buli meningkat dan kejadian buli di kalangan murid berkurang melalui program kaunseling dan intervensi yang berkesan. |
| 9. | Menjalankan intervensi perkahwinan kanak-kanak di peringkat permohonan di mahkamah syariah atau pendaftaran perkahwinan. | Jumlah intervensi yang dijalankan, jumlah permohonan perkahwinan kanak-kanak yang dinilai, jumlah permohonan yang ditangguhkan atau ditolak. | Semua permohonan perkahwinan kanak-kanak melalui intervensi yang ketat bermula 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKSM<br>JPN<br>YKN<br>KPM<br>LPPKN<br>KKDW<br>KKM<br>JKM | Peningkatan pemahaman mengenai kesan negatif perkahwinan kanak-kanak (bawah umur 18 tahun). |
| 10. | Menganjurkan program advokasi pembendungan perkahwinan kanak-kanak kepada kanak-kanak di sekolah dengan menerangkan kemudaratannya dan pilihan alternatif. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak dua (2) program advokasi mengenai pembendungan perkahwinan kanak-kanak dijalankan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>LPPKN<br>KPM<br>NGO | Peningkatan kesedaran mengenai kemudaratan perkahwinan kanak-kanak dan pilihan alternatif di kalangan murid sekolah. |
| 11. | Menjalankan semakan undang-undang berkaitan hak kanak-kanak tidak sah taraf bagi mengurangkan stigma masyarakat dan diskriminasi terhadap mereka. | Jumlah undang-undang yang disemak, jumlah pindaan yang dicadangkan. | 1. Semua undang-undang berkaitan hak kanak-kanak tidak sah taraf disemak; dan<br>2. Pindaan undang-undang dicadangkan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>SUHAKAM<br>BHEUU<br>JPN | Stigma dan diskriminasi terhadap kanak-kanak tidak sah taraf dikurangkan melalui semakan dan pindaan undang-undang yang lebih inklusif dan melindungi hak mereka. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 4

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12. | Memperkasakan penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] berkaitan kes pengabaian dan kecuaian. | Jumlah latihan, kadar peningkatan penguatkuasaan terhadap kes pengabaian dan kecuaian. | Sebanyak dua (2) program latihan berkenaan penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001[Akta 611] pada setiap tahun mulai 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** PDRM AGC JKM | Perlindungan kanak-kanak dari pengabaian dan kecuaian dipertingkatkan melalui penguatkuasaan yang lebih tegas dan berkesan terhadap Akta Kanak-kanak. |
| 13. | Melaksanakan Sistem ANAK dengan segera bagi menyaring individu berisiko tinggi melakukan jenayah terhadap kanak-kanak daripada mengendalikan / menjaga / mengasuh kanak-kanak. | Sistem ANAK. | Sistem ANAK dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2026. | Pendek 2026 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** JKM | Keselamatan kanak-kanak dipertingkatkan melalui pelaksanaan Sistem ANAK yang berkesan dalam menyaring individu berisiko tinggi daripada terlibat dalam penjagaan kanak-kanak. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 5

**Mencegah pemisahan kanak-kanak daripada keluarga, dan menjamin pemeliharaan alternatif yang berkualiti dan perlindungan kanak-kanak yang tidak dijaga oleh ibu bapa, terpisah daripada keluarga, atau dimasukkan ke institusi.**

Pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak di institusi kebajikan kanak-kanak kerajaan dan pusat jagaan kanak-kanak swasta adalah pilihan terakhir memandangkan penempatan kanak-kanak adalah mengambil kira pemeliharaan alternatif seperti meletakkan kanak-kanak bawah pemeliharaan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) dan keluarga pelihara. Pada tahun 2017, 5,537 orang kanak-kanak dijaga melalui 805 pusat jagaan yang berdaftar dan dimiliki oleh kerajaan dan NGO.

Majoriti kemasukan di institusi adalah mangsa kepada pengabaian, penderaan dan kemiskinan. Kewujudan pusat jagaan yang tidak berdaftar dan tidak dikawal selia serta milik orang persendirian juga merupakan satu cabaran yang perlu ditangani bagi mengelakkan masalah penderaan kanak-kanak.

**Objektif 2**

Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan di integrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.

**Keutamaan Strategik 5**

Mencegah pemisahan kanak-kanak daripada keluarga, dan menjamin pemeliharaan alternatif yang berkualiti dan perlindungan kanak-kanak yang tidak dijaga oleh ibu bapa, terpisah daripada keluarga, atau dimasukkan ke institusi.

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Membina garis panduan pengurusan kanak-kanak di Mahkamah Syariah bagi kes mal dan jenayah. | Garis panduan yang dibangunkan, jumlah latihan kepada hakim dan pegawai dengan menggunakan garis panduan. | 1. Satu (1) garis panduan pengurusan kanak-kanak di Mahkamah Syariah dibangunkan pada tahun 2027; dan<br>2. Sebanyak dua (2) latihan diberikan kepada hakim dan pegawai Mahkamah Syariah dan pegawai pelindung menggunakan garis panduan pada setiap tahun mulai 2027. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>JKSM<br>**Pelaksana**<br>JKSM<br>JKM | Pengurusan kes melibatkan kanak-kanak di Mahkamah Syariah di perkasa melalui garis panduan yang komprehensif dan latihan yang berkesan kepada hakim dan pegawai. |
| 2. | Menjalankan projek rintis memudah cara pendaftaran kepada rumah kebajikan kanak-kanak dan rumah anak yatim yang belum berdaftar. | Pindaan pada proses kerja sedia ada. | Proses kerja bagi pendaftaran ditambah baik pada tahun 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>PBT (MBSP, DBKU)<br>JAIN<br>Kerajaan Negeri<br>KKM<br>JBPM | Keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di rumah kebajikan dan rumah anak yatim ditingkatkan melalui pendaftaran yang lebih mudah dan cepat. |
| 3. | Memperuntukkan dana berterusan kepada Bahagian Sokongan Keluarga untuk menampung tuntutan pendahuluan nafkah anak yang tidak dibayar. | Jumlah dana yang diperuntukkan. | Dana diperuntukkan kepada JKSM dan JKSN dalam tempoh 6 tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>JKSM<br>**Pelaksana**<br>JKSM<br>MAIN | Tuntutan pendahuluan nafkah anak yang tidak dibayar ditampung dengan lebih berkesan. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 5

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Berkolaborasi dengan NGO untuk mengesan keluarga bagi kanak-kanak bukan warganegara yang terpisah daripada keluarga untuk penyatuan semula. | Jumlah kolaborasi dengan NGO berkenaan isu ini. | Libat urus dan kerjasama dibuat dengan NGO. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KDN<br>**Pelaksana** NGO JPN | Kanak-kanak bukan warganegara yang terpisah dari keluarga mendapat bantuan yang komprehensif termasuk sokongan pemulihan, melalui kolaborasi antara kerajaan dan NGO. |
| 5. | Menambah baik program Baitul Mahabbah dengan menaikkan had umur kanak-kanak yang ditempatkan di Baitul Mahabbah kepada bawah 18 tahun. | Peraturan Imigresen berkaitan umur kanak-kanak yang boleh ditempatkan bersama ibu/bapa dipinda | Peraturan berkaitan umur kanak-kanak yang terlibat dalam program Baitul Mahabbah ditambah baik menjadi bawah 18 tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** KDN<br>**Pelaksana** NGO SUHAKAM JIM | Penempatan kanak-kanak sama ada yang tiada penjaga atau bersama penjaga ditetapkan kepada bawah 18 tahun. |
| 6. | Memberikan bantuan dan sokongan sosial kepada kanak-kanak yang ibu bapa atau penjaganya di penjara dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). | Jumlah kanak-kanak yang menerima bantuan dan sokongan sosial. | 80% kanak-kanak yang ibu bapa atau penjaganya di dalam tahanan atau penjara menerima bantuan dan sokongan sosial setiap tahun mulai 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** PENJARA AADK | Kesejahteraan kanak-kanak yang terkesan oleh penahanan atau pemenjaraan ibu bapa atau penjaga mereka dipertingkatkan melalui bantuan dan sokongan sosial yang komprehensif. |
| 7. | Melaksanakan advokasi literasi undang-undang tentang hak kanak-kanak terhadap nafkah, termasuk pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah di mahkamah syariah. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sekurang-kurangnya 10 program advokasi literasi undang-undang dijalankan setiap tahun mulai 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** JKSM | Kesedaran dan pemahaman masyarakat mengenai hak kanak-kanak terhadap nafkah dan penguatkuasaan perintah nafkah dipertingkatkan melalui program advokasi literasi undang-undang yang menyeluruh. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 5

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | Menyediakan sokongan sosial bagi kanak-kanak dalam tahanan imigresen termasuklah keperluan asas, sokongan sosial, dan pengasingan daripada tahanan dewasa. | Jumlah kanak-kanak yang menerima sokongan sosial, jumlah fasiliti yang disediakan untuk pengasingan | 1. Semua kanak-kanak dalam tahanan imigresen menerima sokongan sosial setiap tahun mulai 2026; dan<br>2. 50% kemudahan pengasingan daripada tahanan dewasa diwujudkan di semua pusat tahanan imigresen menjelang 2027. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br>**Pelaksana**<br>JIM<br>JKM | Keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak dalam tahanan imigresen dipastikan melalui sokongan sosial yang menyeluruh dan pengasingan daripada tahanan dewasa. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 6
### Memperkukuh perlindungan dan pencegahan terhadap eksploitasi dan pemerdagangan kanak-kanak

**Pemerdagangan kanak-kanak:** Malaysia merupakan antara negara destinasi, transit dan sebahagian kecilnya, negara sumber bagi pemerdagangan orang termasuklah kanak-kanak. Kerajaan Malaysia telah memanifestasikan keseriusan dalam menangani jenayah ini melalui penggubalan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (2007) [*Akta 670*]. Kerajaan telah membangunkan satu Pelan Tindakan Kebangsaan Anti-pemerdagangan Orang (2021-2025) serta menambah baik aspek pengenalpastian mangsa berpandukan kepada indikator yang ditetapkan dalam *National Guidelines on Human Trafficking Indicators* (NGHTI). Selain itu, pelbagai langkah penambahbaikan perlu dilaksanakan termasuklah mengukuhkan tindakan proaktif melalui saringan mangsa pemerdagangan orang, memastikan intervensi yang pantas dan berkesan di samping menyediakan bantuan perundangan dan rujukan bantuan untuk mangsa yang terselamat.

**Eksploitasi kanak-kanak dalam sektor ekonomi:** Kanak-kanak yang bekerja berhak untuk mendapat perlindungan sosial yang sewajarnya agar tidak dieksploitasi oleh majikan. Kerajaan hendaklah memastikan majikan yang menggaji kanak-kanak atau orang muda atau kedua-duanya perlu mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [*Akta 350*]. Kanak-kanak dan orang muda juga perlu dididik dan diberi peluang untuk meningkatkan tahap sosioekonomi.

**Objektif 2**

Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan di integrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.

**Keutamaan Strategik 6**

Memperkukuh perlindungan dan pencegahan terhadap eksploitasi dan pemerdagangan kanak-kanak

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Melancarkan advokasi pendidikan awam untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya dan impak negatif buruh kanak-kanak, serta menggalakkan pemahaman dan tindakan menentangnya. | Advokasi yang dilaksanakan. | 1. Dua (2) program advokasi kesedaran dijalankan di seluruh negara setiap tahun mulai 2026; dan<br>2. Satu (1) bilangan kempen melalui media sosial, televisyen, dan radio mengenai bahaya buruh kanak-kanak setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KESUMA<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JTKSM<br>JTK Sabah<br>JTK Sarawak<br>KK | Peningkatan kesedaran awam mengenai bahaya buruh kanak-kanak dan peningkatan sokongan masyarakat dalam menangani isu ini. |
| 2. | Melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan dengan meningkatkan pemeriksaan buruh termasuk kanak-kanak dalam semua sektor industri. | Jumlah pemeriksaan buruh yang dijalankan. | Pemeriksaan buruh dijalankan ke tempat pekerjaan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KESUMA<br>**Pelaksana**<br>JTKSM<br>JTK Sabah<br>JTK Sarawak<br>KDN<br>JIM | Peningkatan penguatkuasaan dan pemantauan dalam industri berisiko tinggi bagi mengurangkan kes buruh kanak-kanak. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 6

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Melaksanakan latihan bagi anggota penguat kuasa dan pekerja barisan hadapan untuk mengenal pasti dan bertindak balas terhadap kes pemerdagangan kanak-kanak secara efektif yang memfokuskan kepada pengenalan tanda-tanda pemerdagangan dan menyediakan sokongan yang sesuai kepada mangsa. | Jumlah latihan kepada anggota penguat kuasa dan pekerja barisan hadapan. | Sebanyak satu (1) sesi latihan komprehensif yang merangkumi pengenalan tanda-tanda pemerdagangan dan sokongan kepada mangsa disediakan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>JIM<br>PDRM<br>JKM | Peningkatan kecekapan dan pengetahuan anggota penguat kuasa dan pekerja barisan hadapan dalam mengenal pasti dan menangani kes pemerdagangan kanak-kanak. |
| 4. | Melatih pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memberikan sokongan sosial kepada kanak-kanak mangsa pemerdagangan, termasuk penjagaan segera, dan pemulihan jangka panjang. | Jumlah program latihan. | NGO dilatih setiap tahun mengenai bantuan langsung dan pemulihan kanak-kanak mangsa pemerdagangan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br><br>**Pelaksana**<br>JKM<br>NGO | Peningkatan jumlah NGO yang berkemampuan memberikan bantuan langsung, peningkatan kesejahteraan dan pemulihan kanak-kanak mangsa pemerdagangan, serta pengurangan kes pemerdagangan kanak-kanak. |
| 5. | Melancarkan advokasi untuk mendidik masyarakat mengenai tanda-tanda pemerdagangan dan penyeludupan manusia., risiko kepada kanak-kanak, dan saluran yang betul untuk melaporkan kes yang disyaki. | Program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program dijalankan di seluruh negara setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>KK<br>JKM | Peningkatan kesedaran masyarakat mengenai tanda-tanda pemerdagangan, peningkatan laporan kes yang disyaki, serta pengurangan risiko pemerdagangan kanak-kanak. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 6

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Melaksanakan latihan khusus berterusan untuk penguatkuasaan undang-undang, badan kehakiman, pegawai pelindung, dan pegawai imigresen dalam mengenal pasti, menyiasat, dan mendakwa kes pemerdagangan kanak-kanak dengan pendekatan berpaksikan mangsa. | Jumlah latihan. | Sebanyak satu (1) latihan dilaksanakan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>JKM<br>JPW<br>AGC<br>PKPMP<br>PDRM<br>JIM<br>JTK<br>JKDM<br>APMM | Peningkatan kepakaran dalam mengenal pasti, menyiasat, dan mendakwa kes pemerdagangan kanak-kanak, peningkatan sokongan kepada mangsa. |
| 7. | Menyemak prosedur semasa agar lebih mesra kanak-kanak dalam mengenal pasti, menyelamatkan, dan menghantar pulang mangsa pemerdagangan orang dalam kalangan kanak-kanak, dengan memastikan kepentingan terbaik mereka sentiasa diutamakan. | Prosedur mesra kanak-kanak disemak. | Prosedur mesra kanak-kanak disemak dan diimplementasikan pada 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>JKM<br>PDRM<br>JIM<br>NSO, MAPO | Peningkatan jumlah mangsa kanak-kanak yang dikenal pasti dan diselamatkan, peningkatan kepuasan mangsa terhadap proses tersebut, serta peningkatan kepakaran dalam menangani kes pemerdagangan kanak-kanak. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 7
### Perlindungan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang

Kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang perlu diberikan perlindungan selaras dengan Perkara 37 dan 40 CRC. Bagi tujuan tersebut, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) telah ditubuhkan bagi membicarakan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak, iaitu seseorang yang berumur bawah 18 tahun seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2, Akta 611.

Penubuhan MBKK ini bertujuan untuk memberi perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak sama ada mereka dihadapkan di Mahkamah sebagai kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang atau mangsa kepada perlakuan jenayah orang lain. Bahagian IV dan X, Akta Kanak-kanak 2001 juga telah memperuntukkan berkaitan MBKK dan tatacara jenayah di MBKK yang melibatkan proses pertuduhan, jaminan, perbicaraan serta perintah kepada pesalah kanak-kanak.

Kewujudan sistem mahkamah yang berasingan bagi kanak-kanak menggambarkan bahawa sistem keadilan jenayah di Malaysia mengiktiraf keperluan bagi memberi perhatian kepada tahap kematangan dan perkembangan fizikal serta mental kanak-kanak dalam pelaksanaan undang-undang. Kerajaan juga sedang mengambil pendekatan alternatif bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dialihkan daripada sistem mahkamah sedia ada.

**Objektif 2**

Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan di integrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.

**Keutamaan Strategik 7**

Perlindungan terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Melaksanakan pembaharuan undang-undang dalam akta/ enakmen prosedur jenayah dan keterangan Syariah agar lebih mesra kanak-kanak dan selari dengan Akta 611. | Jumlah undang-undang/kaedah/ SOP berkaitan prosedur jenayah syariah yang digubal atau dipinda. | Pembaharuan undang-undang prosedur jenayah syariah yang memasukkan elemen mesra kanak-kanak digubal. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** JKSM<br>**Pelaksana** JAPENSWP JPKK | Peningkatan perlindungan hak kanak-kanak dalam sistem perundangan jenayah syariah. |
| 2. | Melaksanakan program latihan yang berkesan untuk profesional undang-undang (pegawai, hakim dan peguam) mengenai hak kanak-kanak dalam pra-bicara, bicara dan perintah. | Jumlah program latihan dan peratus keberkesanan program latihan yang dilaksanakan. | Peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** SUHAKAM<br>**Pelaksana** PKPMP SPK | Peningkatan kemahiran dan pengetahuan profesional undang-undang dalam interaksi dengan kanak-kanak. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 7

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Memberikan perkhidmatan sokongan psikologi kepada kanak-kanak yang ditahan di institusi penjara, Sekolah Henry Gurney (SHG) dan Sekolah Tunas Bakti (STB) dan Asrama Akhlak. | Program perkhidmatan sokongan psikologi yang dilaksanakan kepada kanak-kanak di institusi penjara, SHG, STB, dan Asrama Akhlak | Program perkhidmatan sokongan psikologi diberikan kepada semua kanak-kanak di semua institusi penjara, Sekolah Henry Gurney, Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Akhlak. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br><br>**Pelaksana**<br>PENJARA<br>KPM<br>JAKIM<br>JKM | Kesejahteraan kanak-kanak yang ditahan di institusi tahanan ditingkatkan melalui sokongan psikologi yang berkesan. |
| 4. | Menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk memperuntukkan dana bagi menaja kos keluarga yang melawat kanak-kanak yang ditahan di institusi penjara, SHG, STB dan Asrama Akhlak. | Kajian kebolehlaksanaan yang dijalankan | Sebanyak satu (1) kajian kebolehlaksanaan diselesaikan menjelang 2027. | Sederhana 2026-2027 | **Peneraju**<br>KPWKM | Cadangan penajaan kos lawatan keluarga yang praktikal dan efektif dihasilkan, memperbaiki akses keluarga kepada kanak-kanak di institusi. |
| 5. | Mewujudkan mekanisme aduan yang sulit dan selamat bagi membolehkan kanak-kanak di institusi melaporkan aduan tanpa takut akan balasan. | Mekanisme aduan yang sulit dan selamat yang dibangunkan. | 1. Mekanisme maklum balas sulit dan selamat dibangunkan di semua institusi; dan<br>2. Prosedur tindakan susulan terhadap aduan yang diterima. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>JKM<br>PENJARA<br>AADK<br>PDRM | Peningkatan dalam keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di institusi melalui mekanisme maklum balas yang sulit dan selamat serta peningkatan tindakan susulan terhadap aduan yang diterima. |
| 6. | Melaksanakan latihan berkaitan hak kanak-kanak yang ditahan, selaras dengan UNCRC dan Akta Kanak-kanak, kepada penguat kuasa undang-undang serta kakitangan di institusi tahanan dan pemulihan. | Jumlah sesi latihan yang dijalankan, peningkatan pengetahuan peserta. | 1. Sebanyak satu (1) sesi latihan dijalankan setiap tahun; dan<br>2. 10% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>PENJARA<br>AADK<br>SUHAKAM<br>PDRM<br>JKM | Peningkatan dalam pemahaman dan pelaksanaan hak kanak-kanak serta pengurangan signifikan dalam insiden kekerasan terhadap kanak-kanak di institusi tersebut. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 7

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Menaiktarafkan fasiliti pendidikan seperti kelas, perpustakaan, bilik sumber dan bahan bacaan yang sesuai untuk pemulihan kanak-kanak di institusi penjara, SHG, STB, Asrama Akhlak dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). | Fasiliti pendidikan yang di naik taraf. | Sebanyak 80% fasiliti pendidikan di institusi di naik taraf. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>PENJARA<br>JKM<br>KPN<br>AADK<br>PDRM | Peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti dan sumber bacaan bagi kanak-kanak di institusi pemulihan dan penjara. |
| 8. | Melaksanakan latihan kepada pengamal media untuk membuat laporan beretika tentang semua isu perundangan berkaitan kanak-kanak. | Jumlah sesi latihan yang dijalankan, peningkatan pengetahuan peserta. | 1. Sebanyak dua (2) sesi latihan dijalankan setiap tahun; dan<br>2. 10% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br><br>**Pelaksana**<br>KK<br>SUHAKAM<br>JKM | Pengetahuan dan pemahaman pengamal media mengenai laporan beretika tentang isu perundangan berkaitan kanak-kanak meningkat melalui latihan yang berkesan. |
| 9. | Memperluaskan akses pendidikan kepada kanak-kanak yang menjalani tahanan reman di penjara dan STB. | Jumlah kanak-kanak dalam tahanan reman yang menerima pendidikan. | Semua kanak-kanak yang menjalani tahanan reman menerima akses kepada pendidikan setiap tahun mulai 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br><br>**Pelaksana**<br>PENJARA<br>KPM<br>JKM<br>PDRM | Kanak-kanak yang menjalani tahanan reman di penjara menerima akses pendidikan yang berkualiti, memastikan kesinambungan pembelajaran dan pembangunan akademik mereka. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 8
### Memastikan penggunaan internet yang selamat dan sesuai

Kadar penggunaan internet oleh kanak-kanak berumur lima (5) hingga 17 tahun telah meningkat daripada 28.5% pada tahun 2018 kepada 47% pada tahun 2020 di mana 56.3% kanak-kanak memiliki peranti sendiri. Walau bagaimanapun, tahap kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan kawalan dan pemantauan melalui perisian atau peralatan yang membolehkan mereka memantau penggunaan internet anak-anak telah menurun daripada 62.4% kepada 53.3% dalam tempoh yang sama[22]. Ini kerana pada tahun 2020, hanya 34.4% ibu bapa yang menggunakan kawalan ibu bapa (parental control) untuk melindungi anak-anak mereka semasa menggunakan internet[23].

Dalam konteks ini, risiko perlindungan kanak-kanak dalam talian meningkat dengan pantas. Menurut Bahagian D11, PDRM, terdapat sebanyak 35 kes eksploitasi dan penderaan seksual dalam talian yang telah disiasat antara tahun 2017 dan tahun 2019 yang melibatkan elemen dalam talian atau teknologi.[24] Antara tahun 2015 hingga Februari 2023 sejumlah 407 laman berkaitan pedofilia dan pornografi kanak-kanak telah disekat melalui kerjasama SKMM, PDRM dan Interpol. Manakala antara Januari hingga Mac 2023, sebanyak 225 kandungan pornografi atau eksploitasi kanak-kanak telah diturunkan oleh penyedia platform media sosial.



[22] *Tinjauan Pendapat Bulan Keluarga Kebangsaan 2020, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara*
[23] *Malaysia Communications and Multimedia Commission (2020). Internet User Survey. Kuala Lumpur. Online. Available at https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf. Accessed July 14, 2021*
[24] *Disrupting Harm di Malaysia: Bukti mengenai eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian, September 2022-*

**Objektif 2**

Memperkukuh aspek perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi, penderaan, pengabaian termasuklah pemerdagangan orang dan seterusnya diberi rehabilitasi dan di integrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.

**Keutamaan Strategik 8**

Memastikan penggunaan internet yang selamat dan sesuai

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menjalankan semakan undang-undang yang komprehensif tentang keganasan terhadap kanak-kanak (VAC) termasuk eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA) agar selari dengan komitmen antarabangsa dan serantau. | Kajian yang dijalankan, jumlah libat urus yang dibuat. | 1. Undang-undang dikaji semula; dan<br>2. Sebanyak dua (2) libat urus dengan pakar undang-undang dan NGO dilibatkan dalam proses kajian. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>BHEUU | Perundangan mengenai keganasan terhadap kanak-kanak termasuk OCSEA diperkasakan dan selari dengan komitmen antarabangsa dan serantau melalui kajian semula yang komprehensif. |
| 2. | Menjalankan program advokasi tentang peruntukan undang-undang yang menjenayahkan pemilikan, penghasilan, penyebaran, dan penstriman langsung penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) dan pengantunan kanak-kanak dalam talian. | Jumlah program advokasi yang dijalankan | Sebanyak dua (2) program advokasi dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JKM<br>KK | Kesedaran masyarakat mengenai undang-undang yang menjenayahkan CSAM dan pengantunan kanak-kanak dalam talian meningkat. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 8

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Menjalankan penilaian keupayaan penguatkuasaan undang-undang dan kapasiti perundangan dalam menangani kes eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA). | Penilaian yang dijalankan. | 1. Satu penilaian kebangsaan dijalankan; dan<br>2. Satu laporan penilaian yang diterbitkan. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** BHEUU<br>**Pelaksana** PDRM | Keupayaan penguatkuasaan undang-undang, kehakiman, dan kapasiti perundangan dalam menangani kes OCSEA ditingkatkan melalui penilaian kebangsaan dan cadangan penambahbaikan. |
| 4. | Membangunkan modul dan menjalankan latihan untuk penguat kuasa undang-undang, kehakiman, peguam, dan pendakwa raya mengenai eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA). | Peratus keberkesanan terhadap modul yang dibangunkan. | Sebanyak 10% peningkatan dalam kesedaran dan kemahiran pegawai dalam menangani kes OCSEA dicapai menerusi penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** SUHAKAM<br>**Pelaksana** ILKAP AGC PKPMP | Keupayaan penguat kuasa undang-undang, kehakiman, peguam, dan pendakwa raya dalam menangani kes OCSEA ditingkatkan melalui modul dan latihan yang komprehensif. |
| 5. | Memperkukuh kapasiti, kemahiran, dan pengetahuan pekerja sosial dan pelindung kanak-kanak melalui latihan mengenai perlindungan kanak-kanak dalam talian. | Jumlah modul yang dibangunkan, jumlah latihan yang dijalankan, peningkatan pengetahuan peserta. | 1. Satu modul latihan dibangunkan;<br>2. Sebanyak 1 sesi latihan dijalankan setiap tahun; dan<br>3. 20% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** JKM | Kapasiti, kemahiran, dan pengetahuan pekerja sosial dan pelindung kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak dalam talian dipertingkatkan melalui latihan yang komprehensif. |
| 6. | Mengukuhkan talian *hotline* atau portal pelaporan Internet untuk melaporkan kandungan digital yang disyaki menggambarkan eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak. | Talian *hotline* dan portal yang ditambah baik, jumlah latihan yang diberikan, jumlah kempen kesedaran yang dijalankan. | 1. Talian *hotline* dan portal aduan Internet ditambah baik; dan<br>2. Sebanyak satu (1) latihan diberikan kepada kakitangan yang mengendalikan penerimaan aduan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KK KPWKM | Laporan kandungan eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak ditangani dengan lebih berkesan melalui talian *hotline* dan portal pelaporan yang dikukuhkan serta kesedaran masyarakat ditingkatkan. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 8

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Meningkatkan kesedaran tentang mekanisme pelaporan tentang eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA). | Jumlah program advokasi yang dijalankan, modul yang disemak, jumlah pelaksanaan program Klik dengan Bijak di sekolah. | 1. Sebanyak satu (1) program advokasi tentang mekanisme laporan dijalankan di sekolah setiap tahun;<br>2. Semakan semula modul Etika Siber National (ESN) untuk kanak-kanak; dan<br>3. Program Klik dengan Bijak dilaksanakan di 10 buah sekolah di setiap pejabat pendidikan daerah dan jabatan pendidikan negeri. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KK<br>MCMC<br>KD<br>CSM<br>MARA<br>JAIN<br>MINDEF<br>JPKK | Kesedaran tentang mekanisme pelaporan mengenai eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA) ditingkatkan dalam kalangan murid dan guru di sekolah awam dan swasta. |
| 8. | Membina *dashboard* untuk mengumpul dan mengkategorikan data berkaitan kelaziman, jenis, trend penderaan, keganasan, dan eksploitasi dalam talian, serta profil mangsa dan pelaku. | *Dashboard* yang dibangunkan. | *Dashboard* dengan akses terhad untuk kegunaan dalaman antara Kementerian dan agensi dibangunkan pada tahun 2026. | Pendek 2026 | **Peneraju**<br>KDN<br>**Pelaksana**<br>PDRM<br>KK | Pemahaman yang lebih mendalam mengenai kelaziman, jenis, dan trend penderaan, keganasan, dan eksploitasi dalam talian melalui data yang dikumpulkan dan dikategorikan menerusi *dashboard* yang dibangunkan. |
| 9. | Menguatkuasakan syarat lesen ke atas syarikat teknologi untuk menyekat kandungan tidak wajar dalam talian bagi melindungi kanak-kanak. | Jumlah syarikat teknologi yang didaftarkan dan dilesenkan untuk beroperasi dengan pematuhan kepada syarat lesen termasuk melindungi kanak-kanak. | Syarikat teknologi mematuhi syarat lesen bermula 2026 bagi melindungi kanak-kanak. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KK<br>**Pelaksana**<br>MCMC | Perlindungan kanak-kanak dalam talian dipertingkatkan melalui penguatkuasaan syarat lesen ke atas syarikat teknologi untuk menyekat kandungan tidak wajar. |

Objektif 2 — Keutamaan Strategik 8

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10. | Meningkatkan kesedaran guru, murid dan ibu bapa mengenai keselamatan Internet, literasi digital dan menjadi pengguna Internet yang bertanggungjawab. | Peratus murid didedahkan Modul Etika Siber Nasional. | 100% murid mendapat pendedahan Modul Etika Siber Nasional bermula 2026 - 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KK<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KD<br>CSM<br>JKM | Meningkatkan tahap kesedaran guru, murid dan ibu bapa mengenai keselamatan Internet, literasi digital dan menjadi pengguna Internet yang bertanggungjawab. |
| 11. | Menyebarkan penggunaan bahan bacaan, risalah dan modul menerusi pelbagai aktiviti seperti seminar, forum, taklimat, pameran interaktif dan lain-lain untuk keberhasilan, agar ibu bapa lebih berkeupayaan untuk mengurus dan memantau aktiviti anak mereka dalam talian. | Jumlah aktiviti yang dianjurkan. | Sebanyak dua (2) aktiviti dilaksanakan pada setiap tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KK<br>**Pelaksana**<br>KD<br>MCMC<br>CSM | Ibu bapa lebih mampu mengurus dan memantau aktiviti dalam talian anak-anak mereka melalui penggunaan sumber, alat dan kemahiran yang diberikan. |

# OBJEKTIF 3

## MEMASTIKAN SEMUA KANAK-KANAK BERKEMBANG MAJU DARI SEGI FIZIKAL, KOGNITIF, BAHASA, SOSIO-EMOSI, SAHSIAH DAN KEROHANIAN SUPAYA MEREKA MENCAPAI POTENSI YANG OPTIMUM

Perkara 28 CRC mengiktiraf hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan dan mengehendaki Negara Pihak untuk memenuhi hak tersebut dengan memberikan peluang yang sama rata kepada semua[25] kanak-kanak. Perkara 29 CRC pula menyatakan komitmen dalam tadbir urus dan hal ehwal pendidikan kanak-kanak bagi memastikan perkembangan personaliti, bakat dan keupayaan fizikal dan mental mengikut potensi mereka sepenuhnya. Matlamat SDG-4 pula menekankan komitmen negara untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dan inklusif di samping menggalakkan pendidikan sepanjang hayat.

Deklarasi ASEAN mengenai pengukuhan pendidikan untuk kanak-kanak dan belia yang tercicir sekolah telah menggariskan panduan menyeluruh mengenai cara untuk memastikan akses pendidikan yang saksama khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang mempunyai risiko tercicir dan terpinggir. Komitmen antarabangsa dan serantau juga telah diambil kira dan turut dimasukkan dalam kerangka perundangan domestik seperti Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 yang berlandaskan dan selari dengan Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar negara yang berkuat kuasa.

Justeru itu, lima (5) keutamaan strategik telah dikenal pasti bagi mencapai objektif ini iaitu:

**Keutamaan Strategik 9:**
Memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang lebih bersifat mesra kanak-kanak dalam aspek kesihatan reproduktif, kesihatan mental serta membendung penyalahgunaan dadah dan kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak.

**Keutamaan Strategik 10:**
Memperkukuh ketersediaan dan kebolehcapaian serta kualiti sistem perkhidmatan intervensi awal bagi kanak-kanak kurang upaya.

**Keutamaan Strategik 11:**
Menjamin akses kepada Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang inklusif dan berkualiti.

**Keutamaan Strategik 12:**
Memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki untuk melengkapkan tempoh pendidikan wajib selaras Akta 550.

**Keutamaan Strategik 13:**
Mengurangkan jurang dalam keberhasilan pembelajaran.

[25] *Malaysia mempunyai reservasi terhadap Artikel 28(1)(a) yang menwajibkan pendidikan rendah dan memberikannya secara percuma kepada semua kanak-kanak*

# KEUTAMAAN STRATEGIK 9

## Memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang lebih bersifat mesra kanak-kanak dalam aspek kesihatan reproduktif, kesihatan mental serta membendung penyalahgunaan dadah dan kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak

### i. Kesihatan reproduktif

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pada tahun 2015 mendapati pengetahuan kesihatan reproduktif remaja berada pada tahap sederhana di mana hanya 38.4% remaja berumur 13 hingga 17 tahun mengetahui perkara berkaitan kaedah kontraseptif[26]. Program advokasi dan pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja masih dianggap sensitif, sedangkan ia lebih bersifat holistik yang merangkumi semua aspek kesihatan bagi menjamin kesejahteraan kanak-kanak itu sendiri.

### ii. Kesihatan mental




Kemurungan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun didapati telah meningkat daripada 18.3% pada tahun 2017 kepada 26.9% pada tahun 2022. Prevalens idea bunuh diri turut meningkat daripada 10% pada tahun 2017 kepada 13.1% pada tahun 2022. Lebih membimbangkan lagi, peningkatan mendadak bagi prevalens cubaan bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak dan remaja iaitu daripada 6.9% pada tahun 2017 kepada 9.5% pada tahun 2022[27]. Peningkatan kadar ini telah menunjukkan masalah kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang perlu diberikan perhatian dan ditangani dengan segera.

[26] *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 2014, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara*
[27] *Tinjauan Kajian Morbiditi dan Kesihatan 2022: Adolescent Health Survey*

## iii. Penyalahgunaan dadah dan bahan

Kadar penyalahgunaan dadah yang melibatkan golongan remaja termasuklah yang masih bersekolah menunjukkan peningkatan daripada 1.5% pada tahun 2012 kepada 3.4% pada tahun 2017.[28] Menurut NHMS 2017, 2.8% remaja telah dilaporkan menggunakan dadah jenis *cannabis* dan 2.4% menggunakan dadah jenis *amphetamine* atau *methamphetamine*. 17% daripada remaja tersebut mula mengambil dadah seawal usia tujuh (7) tahun. Ganja, kratom dan *amphetamine* merupakan bahan yang paling banyak digunakan secara umum[29]. Perkara ini juga didorong oleh kewujudan pelbagai jenis dadah dan bahan terlarang yang kini semakin berleluasa sehingga menyebabkan remaja dan murid-murid sekolah berisiko terdedah dengan kegiatan penyalahgunaan dadah. Oleh yang demikian, saringan dan intervensi awal perlu dilaksanakan sebelum mereka menjadi penagih dadah yang tegar.

## iv. Merokok (Rokok Konvensional Dan Rokok Elektronik Atau Vape)

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan NHMS bagi Remaja pada tahun 2017, sebanyak 18.9% atau seramai 177,191 orang remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun di kawasan luar bandar merupakan perokok semasa berbanding hanya sebanyak 13.6% atau seramai 165,019 orang remaja di kawasan bandar. Selain itu, sebanyak 11.2% atau seramai 104,904 orang remaja antara 13 hingga 17 tahun di kawasan luar bandar merupakan pengguna rokok elektronik berbanding hanya sebanyak 8.8% atau seramai 106,181 orang remaja di kawasan bandar.

## v. Minuman Beralkohol

Berdasarkan NHMS bagi Remaja pada tahun 2017, sebanyak 8.9% atau seramai 83,446 orang remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun di kawasan luar bandar merupakan peminum alkohol semasa berbanding sebanyak 11.2% atau seramai 136,071 orang remaja di kawasan bandar.

[28] *National Health and Morbidity Survey 2017: Adolescent and Mental Health*
[29] *National Health and Morbidity Survey 2017: Adolescent and Mental Health*

**Objektif 3**

Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum

**Keutamaan Strategik 9**

Memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang lebih bersifat mesra kanak-kanak dalam aspek kesihatan reproduktif, kesihatan mental serta membendung penyalahgunaan dadah dan kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Memperluaskan perkhidmatan konsultasi dan kaunseling KafeTEEN ke kawasan yang kurang diberi perkhidmatan untuk meningkatkan akses kanak-kanak kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif. | Jumlah klien mendapat perkhidmatan konsultasi dan kaunseling yang dijalankan. | Sebanyak 1,500 klien mendapat perkhidmatan dijalankan setiap tahun melalui Klinik Bergerak LPPKN. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM | Peningkatan dalam akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif di kalangan kanak-kanak melalui program klinik mudah alih yang dijalankan di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan. |
| 2. | Melaksanakan program pendidikan yang menyediakan nasihat kesihatan dan kebersihan haid secara percuma kepada kanak-kanak. | Jumlah program yang dijalankan. | Sebanyak dua (2) program pendidikan dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** KPM | Peningkatan dalam kesedaran dan pengetahuan mengenai kesihatan dan kebersihan haid di kalangan murid perempuan melalui program pendidikan yang dijalankan. |
| 3. | Melaksanakan program pendidikan ibu bapa untuk meningkatkan komunikasi antara ibu bapa dan anak tentang seksualiti dan kesihatan reproduktif agar memupuk dialog terbuka di rumah. | Jumlah program pendidikan ibu bapa yang dijalankan. | Sebanyak dua (2) program pendidikan ibu bapa dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM | Peningkatan dalam komunikasi antara ibu bapa dan anak mengenai seksualiti dan kesihatan reproduktif melalui program pendidikan ibu bapa yang dijalankan. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 9

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Menjalankan program penglibatan komuniti yang melibatkan ibu bapa, pemimpin komuniti, dan remaja untuk menghilangkan stigma perbincangan mengenai kesihatan seksual dan reproduktif. | Jumlah program penglibatan komuniti yang dijalankan. | Sebanyak dua (2) program penglibatan komuniti dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM | Pengurangan dalam stigma mengenai perbincangan kesihatan seksual dan reproduktif melalui program penglibatan komuniti yang melibatkan ibu bapa, pemimpin komuniti, dan remaja. |
| 5. | Memperluaskan aktiviti promosi dan advokasi untuk kanak-kanak mengenai kesihatan mental bagi menangani stigma kesihatan mental dalam kanak-kanak. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sekurang-kurangnya dua (2) program advokasi yang memfokuskan kesihatan mental kanak-kanak setiap tahun di sekolah. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br><br>**Pelaksana**<br>KPM<br>NGO<br>UNICEF<br>JKM | Pengurangan dalam stigma isu kesihatan mental melalui advokasi yang dijalankan oleh NGO/ CSO yang di danai, serta peningkatan kesedaran mengenai kesihatan mental di kalangan kanak-kanak. |
| 6. | Memberikan sokongan psikologi dan kaunseling kepada murid sekolah yang hamil. | Jumlah sesi kaunseling yang dijalankan. | 1. Program sokongan psikologi dan kaunseling diwajibkan kepada murid yang hamil serta ibu bapa murid hamil; dan<br><br>2. Sesi kaunseling, Program Sokongan Emosi dan konsultasi ibu bapa dilaksanakan kepada murid yang hamil yang dilaporkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM). | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br><br>**Pelaksana**<br>JKM<br>KKM | Kesejahteraan emosi dan mental remaja hamil meningkat melalui sokongan psikologi dan kaunseling yang berkesan serta pengurangan remaja hamil yang tidak meneruskan persekolahan. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 9

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Mengukuhkan perlindungan undang-undang untuk kanak-kanak dengan menjalankan semakan terhadap hukuman korporal. | Jumlah pindaan undang-undang yang dibuat | 1. Pindaan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan peraturan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dibuat; dan<br>2. Peruntukan baharu dalam enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri untuk mengecualikan hukuman sebatan kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun dibuat. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>KPWKM<br>JKSM<br>KPM<br>MARA<br>JAIN | Penghapusan hukuman korporal dalam semua institusi yang melibatkan kanak-kanak dan remaja. |
| 8. | Mengadakan kajian berkenaan alternatif kepada hukuman korporal dalam kalangan kanak-kanak. | Satu kajian dihasilkan | Laporan kajian alternatif kepada hukuman korporal dapat disediakan. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>SUHAKAM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>MARA<br>JAIN | Pelaksanaan hukuman alternatif kepada hukuman korporal di sekolah di bawah KPM, MARA dan Jabatan Agama. |
| 9. | Memperluaskan latihan secara bersepadu kepada profesional kesihatan, pekerja perkhidmatan sosial, pegawai mahkamah, dan guru untuk memastikan keselarasan dan keterangkuman dalam menangani keperluan kesihatan mental kanak-kanak. | Jumlah sesi latihan yang dijalankan. | 1. Sekurang-kurangnya satu (1) sesi latihan berterusan di peringkat negeri/daerah dijalankan setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak 80% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>JKM | Peningkatan dalam kualiti perkhidmatan kesihatan mental dan pengetahuan profesional melalui latihan berterusan untuk menangani keperluan kesihatan mental kanak-kanak. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 9

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10. | Melaksanakan intervensi awal yang bersasar untuk kanak-kanak berisiko penyalahgunaan bahan, alkohol, rokok dan vape, termasuk kaunseling, pementoran, dan program selepas sekolah, dan rujukan ke rawatan, berpandukan model *Screening, Brief Intervention, and Referral to Treatment* (SBIRT). | Jumlah program yang dilaksanakan. | 1. Sebanyak dua (2) program intervensi dijalankan setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak 10 remaja berisiko menerima intervensi setiap tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KKM<br>**Pelaksana**<br>KDN<br>JKM<br>LPPKN | Peningkatan dalam kesejahteraan remaja berisiko dan pengurangan masalah tingkah laku melalui intervensi bersasar. |
| 11. | Memberikan latihan kepada guru, pekerja sosial, dan profesional kesihatan untuk mengenal pasti dan bertindak atas tanda-tanda awal penyalahgunaan bahan serta berkomunikasi secara efektif dengan kanak-kanak dan remaja tentang penyalahgunaan dadah dan bahan. | Jumlah sesi latihan yang dijalankan. | 1. Sebanyak satu (1) sesi latihan dijalankan setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak 20% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br>**Pelaksana**<br>AADK<br>KKM | Peningkatan dalam pengesanan awal penyalahgunaan bahan dan kemahiran komunikasi mengenai penggunaan bahan di kalangan profesional yang dilatih. |
| 12. | Melaksanakan Program Pencegahan dengan meningkatkan kemahiran sosial murid sekolah menengah melalui pengajaran kemahiran untuk menolak penggunaan dadah, rokok, rokok elektronik, dan alkohol. | Jumlah program yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KDN<br>**Pelaksana**<br>AADK<br>KKM<br>KPM | Peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran menolak penggunaan bahan serta kemahiran sosial di kalangan murid sekolah menengah melalui Program Latihan. |

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 13. | Menggerakkan advokasi di media sosial yang popular dalam kalangan kanak-kanak dengan kandungan yang relevan tentang bahaya penyalahgunaan dadah, rokok, vape, dan alkohol. | Jumlah program advokasi yang dijalankan, jumlah platform media sosial yang digunakan, dan jumlah capaian kempen. | Dua (2) advokasi di media sosial dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM<br><br>**Pelaksana**<br>KK<br>AADK<br>NGO | Peningkatan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan bahan di kalangan kanak-kanak melalui advokasi di media sosial yang efektif. |
| 14. | Menguatkuasakan dan menguar-uarkan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]. | Jumlah aktiviti pemantauan yang dilaksanakan bagi menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]. | 1. Akta dikuatkuasakan sepenuhnya menjelang 2026; dan<br>2. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan bermula tahun 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM | Mengurangkan akses kanak-kanak kepada e-rokok melalui pengesahan umur yang ketat dalam jualan dalam talian dan tindakan penguatkuasaan yang berkesan. |
| 15. | Melaksanakan pendidikan pencegahan jenayah dalam komuniti kejiranan yang mengajar kanak-kanak tentang risiko jenayah, keselamatan peribadi, dan cara melaporkan jenayah seterusnya dapat membina hubungan positif dan kepercayaan antara pegawai polis dan kanak-kanak. | Jumlah program pendidikan yang dilaksanakan. | Sebanyak satu (1) program pendidikan pencegahan jenayah dijalankan setiap tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPN<br><br>**Pelaksana**<br>JPNIN<br>KDN<br>PDRM | Peningkatan kesedaran dan pengetahuan tentang keselamatan peribadi dan cara melaporkan jenayah di kalangan kanak-kanak melalui pendidikan pencegahan jenayah berasaskan komuniti. |
| 16. | Meningkatkan saringan dan intervensi bagi rawatan berhenti merokok di sekolah rendah dan menengah dan sekolah swasta | Jumlah saringan yang dijalankan, jumlah intervensi yang dilaksanakan. | 1. Sebanyak satu (1) saringan dijalankan setiap tahun di sekolah rendah, menengah, dan sekolah swasta; dan<br>2. Sebanyak satu (1) program intervensi rawatan berhenti merokok dilaksanakan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKM | Peningkatan kesedaran dan penurunan kadar merokok dalam kalangan murid melalui saringan dan intervensi rawatan berhenti merokok yang lebih komprehensif di sekolah. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 10
## Memperkukuh ketersediaan dan kebolehcapaian serta kualiti sistem perkhidmatan intervensi awal bagi kanak-kanak kurang upaya

Sistem saringan atau diagnos serta program intervensi awal perlu dilakukan seawal yang mungkin supaya dapat meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak kurang upaya dalam aspek penyertaan bagi membantu mereka berdikari dan menyumbang kepada masyarakat.

Pada masa yang sama, pendekatan diagnosis dan intervensi awal juga akan mengurangkan risiko keciciran pendidikan dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya. Ia dapat membantu kanak-kanak yang mengalami proses perkembangan yang lewat dan tidak berkeupayaan supaya dapat mencapai potensi mereka yang sepenuhnya.

Walaupun klinik dan hospital awam di Malaysia telah menyediakan penjagaan antenatal dan saringan untuk OKU termasuk penjagaan percuma bagi kanak-kanak kurang upaya, data tinjauan negara masih menunjukkan pengesanan atau diagnosis awal ketidakupayaan pada peringkat awal kanak-kanak rendah[30].

[30]UNICEF (2020). Childhood Disability in Malaysia. A study of Knowledge Attitudes and Practices. United Nations' Children's Fund, Kuala Lumpur

**Objektif 3**

Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum.

**Keutamaan Strategik 10**

Memperkukuh ketersediaan dan kebolehcapaian serta kualiti sistem perkhidmatan intervensi awal bagi kanak-kanak kurang upaya

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pengesanan awal dan intervensi bagi kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan melalui program pendidikan dan jangkauan komuniti. | Jumlah program pendidikan dan jangkauan komuniti yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program pendidikan dan jangkauan komuniti dijalankan setiap tahun. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JKM | Peningkatan kesedaran awam dan pengesanan awal ketidakupayaan kanak-kanak melalui program pendidikan dan jangkauan komuniti yang menyeluruh. |
| 2. | Melaksanakan program yang melatih pemimpin komuniti Orang Asli dan pedalaman Sabah Sarawak untuk menyokong keluarga kanak-kanak kurang upaya dan membantu mereka mengemudi sistem intervensi awal. | Jumlah program untuk pemimpin komuniti Orang Asli dan pedalaman Sabah Sarawak | Sebanyak satu (1) Program latihan dilaksanakan kepada pemimpin komuniti Orang Asli dan pedalaman Sabah Sarawak setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>JAKOA<br>JKM<br>JHEANS<br>KPWK Sarawak | Peningkatan sokongan dan keberkesanan bantuan kepada keluarga kanak-kanak kurang upaya melalui latihan pemimpin komuniti Orang Asli dan pedalaman Sabah Sarawak. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 11
### Menjamin akses kepada Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang inklusif dan berkualiti

Program pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak adalah penting kerana ia mempengaruhi ketersediaan kanak-kanak ke sekolah rendah dan membolehkan ibu bapa kembali untuk bekerja. Sehingga Disember 2022, sebanyak 3,061 buah TASKA berdaftar dengan JKM yang menyediakan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berumur antara 0 hingga empat (4) tahun. Manakala, sehingga Julai 2023 terdapat sebanyak 9,897 kelas prasekolah KPM bagi menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak.

Kadar enrolmen prasekolah bagi kanak-kanak berumur empat (4) hingga lima (5) tahun pada tahun 2010 ialah sebanyak 72.4% dan meningkat pada tahun 2016 kepada 85.5% tetapi menurun pada tahun 2017 kepada 84.3%.

Pada tahun 2022, Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang diterajui oleh KPM telah berjaya menyaring seramai 6,726 orang murid Program Pemulihan Khas di seluruh negara. Daripada data ini, seramai 4,474 orang murid telah disahkan sebagai MBPK. Program saringan yang bermula pada tahun 2021 seperti ini menjadi pemangkin kepada proses pengesanan OKU dalam sistem persekolahan KPM. Pada masa yang sama, program ini membantu menempatkan MBPK dalam ekosistem pembelajaran yang bersesuaian dengan kemampuan dan kemahiran mereka[31]. Proses pengesanan awal MBPK perlu diperluaskan untuk capaian lebih ramai kanak-kanak OKU.

[31]Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

**Objektif 3**

Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum

**Keutamaan Strategik 11**

Menjamin akses kepada Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang inklusif dan berkualiti

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan jumlah pra-sekolah dan meluaskan pendidikan inklusif untuk mengintegrasikan kanak-kanak kurang upaya ke dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak. | Jumlah pra-sekolah meningkat dan kanak-kanak kurang upaya yang diintegrasikan dalam ECCE biasa, jumlah pusat ECCE yang dilengkapi, dan jumlah pendidik yang dilatih. | 1. 10% pusat ECCE dilengkapi untuk menyokong pendidikan inklusif menjelang 2030; dan<br>2. 10% pendidik di pusat ECCE dilatih untuk menyokong kepelbagaian keperluan pembelajaran menjelang 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KKDW<br>JPNIN<br>KEMAS<br>JKM<br>KPM | Peningkatan akses kepada pendidikan inklusif, memastikan kanak-kanak kurang upaya menerima pendidikan berkualiti dan inklusif di pusat ECCE biasa. |
| 2. | Menjalankan program advokasi kepada ibu bapa daripada komuniti Orang Asli dan komuniti di pedalaman Sabah dan Sarawak tentang kepentingan program ECCE. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program advokasi dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KKDW<br>**Pelaksana**<br>JAKOA<br>JKM<br>KPWK Sarawak<br>JHEANS | Peningkatan kadar persekolahan kanak-kanak daripada komuniti Orang Asli dan komuniti di pedalaman Sabah dan Sarawak dalam program ECCE melalui pendidikan dan penglibatan aktif ibu bapa. |
| 3. | Menawarkan program *micro-credential* untuk guru dan pengasuh di ECCE untuk meningkatkan kualiti pengajaran. | Jumlah program *micro-credential.* | 5 program *micro-credential* berkaitan ECCE di universiti. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPT | Peningkatan dalam pengetahuan, kemahiran pengajaran, dan kualiti pembelajaran di taska dan tadika melalui program *micro-credential.* |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 12
### Memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki untuk melengkapkan tempoh pendidikan wajib selaras Akta 550

Usaha bagi memastikan ketersediaan kanak-kanak sebelum melangkah ke alam pekerjaan adalah penting. Dalam hal ini, kerajaan kini sedang dalam proses untuk melanjutkan tempoh pendidikan wajib, iaitu enam (6) tahun bagi pendidikan rendah dari Tahun Satu (1) hingga Tahun Enam (6) kepada 11 tahun, iaitu sehingga ke peringkat menengah atas bagi mengelakkan keciciran terutamanya daripada keluarga yang miskin[32].

Walaupun terdapat pengurangan dalam kadar berhenti sekolah di sekolah rendah kerajaan, kelainan demografi tetap wujud. Kadar berhenti sekolah semasa peralihan dari sekolah rendah ke menengah menjadi satu cabaran yang mana kadar kanak-kanak lelaki yang berhenti sekolah adalah lebih tinggi dengan kadar penyiapan sekolah untuk kanak-kanak perempuan lebih tinggi di kedua-dua peringkat rendah dan menengah.

Oleh yang demikian, pelbagai program dan intervensi yang spesifik perlu dilaksanakan bagi meningkatkan peratusan kanak-kanak yang telah tamat sekolah menengah. Ini kerana hanya 89.88% kanak-kanak lelaki yang tamat sekolah menengah berbanding 94.51% kanak-kanak perempuan pada tahun 2021. Pada tahun yang sama juga, peratusan murid lelaki yang tamat peringkat sekolah rendah adalah sebanyak 97.51%, manakala murid perempuan pula 100%[33].

[32]Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia
[33]Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

**Objektif 3**

Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum

**Keutamaan Strategik 12**

Memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki untuk melengkapkan tempoh pendidikan wajib selaras Akta 550

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Meminda Akta 550 bagi memperuntukkan pendidikan wajib sehingga Tingkatan 5. | Pindaan Akta 550. | Pindaan Akta 550 diluluskan dan dikuatkuasakan pada 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM<br>**Pelaksana** UNICEF | Pendidikan wajib hingga Tingkatan 5 diperuntukkan melalui pindaan Akta 550, meningkatkan pengekalan murid sehingga sekolah menengah. |
| 2. | Memberikan latihan kepada guru untuk memperhalus pengurusan kelas dan strategi pengajaran yang meningkatkan penglibatan dan pengekalan fokus murid. | Jumlah sesi latihan yang dijalankan. | 1. Sebanyak satu (1) sesi latihan dijalankan setiap tahun; dan<br>2. 10% peningkatan dalam pengetahuan peserta seperti yang dinilai melalui penilaian pra dan pasca latihan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM | Peningkatan penglibatan dan pengekalan fokus murid melalui latihan pengurusan kelas dan strategi pengajaran yang diperhalusi. |
| 3. | Meneruskan usaha untuk intervensi dan pengenalpastian awal untuk memberikan kanak-kanak berisiko dan tercicir dengan perkhidmatan mentor dan kaunseling. | Jumlah sesi mentor dan kaunseling yang dijalankan | Sebanyak 10 sesi mentor dan kaunseling dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM | Peningkatan prestasi akademik dan kesejahteraan emosi kanak-kanak berisiko melalui sistem pengenalpastian awal dan intervensi yang berkesan. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 12

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Melaksanakan program yang menyediakan sokongan akademik, sosial, dan emosi kepada kanak-kanak semasa tempoh peralihan kritikal (memasuki sekolah menengah) serta murid yang berisiko tidak hadir untuk peperiksaan wajib (termasuklah SPM). | Program yang dilaksanakan. | 1. Latihan khusus disediakan untuk 10 guru Hal Ehwal Murid sekolah setiap tahun; dan<br>2. Setiap sekolah rendah dan sekolah menengah mempunyai sebanyak satu program sokongan peralihan yang berfungsi untuk semua murid yang bakal menduduki peperiksaan wajib. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM | Kadar keciciran murid menurun dan penyesuaian murid semasa peralihan ke sekolah menengah meningkat melalui sokongan akademik, sosial, dan emosi yang komprehensif. |
| 5. | Menyemak semula peraturan hukuman pembuangan dan penggantungan sekolah kepada murid dengan memberikan alternatif pendisiplinan yang bersifat intervensi dan sokongan. | Semakan peraturan yang diluluskan. | Peraturan disemak pada tahun 2027. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>KKDW (MARA)<br>JAIN | Penghentian amalan hukuman pembuangan dan penggantungan sekolah serta peningkatan kesejahteraan murid melalui alternatif pendisiplinan yang bersifat intervensi dan sokongan. |
| 6. | Memperluaskan program sekolah K-9 dan K-11 ke perkampungan Orang Asli dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. | Jumlah sekolah K-9 dan K-11 yang ditubuhkan | Sebanyak dua (2) sekolah K-9 dan K-11 ditubuhkan di perkampungan Orang Asli dan pedalaman di Sabah dan Sarawak setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM<br>**Pelaksana**<br>KKDW<br>Kerajaan Negeri Sabah<br>Kerajaan Negeri Sarawak<br>UNICEF | Program sekolah K-9 dan K-11 diperluaskan ke perkampungan Orang Asli dan pedalaman di Sabah dan Sarawak, meningkatkan akses dan kualiti pendidikan bagi murid di kawasan tersebut. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 12

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Memperluaskan kumpulan sasaran penerima bantuan KWAPM. | Jumlah penerima bantuan yang ditambah dan jumlah peruntukan bantuan yang akan meningkat. | 1. Kumpulan sasaran penerima Bantuan Am Persekolahan (BAmP) KWAPM diperluaskan bermula tahun 2026 kepada murid Tahun 1 hingga Tingkatan 3 di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) berbanding sehingga Tingkatan 1 sebelum ini.<br>2. Cadangan peluasan penerima BAmP KWAPM kepada murid Tingkatan 4 dan 5. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** KPM<br>**Pelaksana** KPM | Akses kepada pendidikan berkualiti diperluaskan untuk murid dari keluarga berpendapatan rendah melalui perluasan kategori penerima bantuan. |
| 8. | Melaksanakan advokasi kepentingan pendidikan dan hala tuju selepas tamat sekolah untuk keluarga kanak-kanak OKU, Orang Asli dan komuniti di pedalaman Sabah dan Sarawak. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak 100 program advokasi kepentingan pendidikan dan hala tuju selepas tamat sekolah kanak-kanak OKU, Orang Asli dan komuniti di pedalaman Sabah dan Sarawak dijalankan setiap tahun sebelum tamat tempoh persekolahan. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM<br>**Pelaksana** JAKOA JKM JHEANS KPWK Sarawak | Kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan pendidikan serta hala tuju selepas tamat sekolah dalam kalangan keluarga kanak-kanak OKU, Orang Asli dan komuniti di pedalaman Sabah dan Sarawak meningkat melalui program advokasi, meningkatkan motivasi dan sokongan terhadap pendidikan anak-anak mereka. |
| 9. | Memudah cara pendaftaran untuk pusat pembelajaran alternatif. | Pindaan pada proses kerja sedia ada. | Proses kerja bagi pendaftaran ditambah baik pada tahun 2027. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** KPM | Pendaftaran untuk pusat pembelajaran alternatif ditingkatkan melalui pendaftaran yang lebih mudah dan cepat. |
| 10. | Menyediakan sumber kandungan digital PdP kepada guru pra-sekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah | Peratus jumlah bahan PdP guru dalam pelantar pendidikan digital. | 10% dari jumlah guru menyumbang bahan PdP dalam pelantar pendidikan digital bermula 2026 - 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM | Peningkatan penghasilan kandungan pendidikan berkualiti di pelantar digital. |

# KEUTAMAAN STRATEGIK 13
## Mengurangkan jurang dalam keberhasilan pembelajaran

Di Malaysia, kadar ketidakseimbangan yang dihadapi oleh kanak-kanak dalam keberhasilan proses pembelajaran adalah sebanyak 13% pada tahun 2019. Selain itu, kanak-kanak kurang upaya yang berisiko tinggi tidak bersekolah atau tercicir mengalami kadar peralihan dan tamat persekolahan pada peringkat yang lebih awal dan lazimnya tidak mencapai tahap keberhasilan yang sama seperti kanak-kanak lain yang sebaya dengan mereka.[34]

Namun begitu, melalui Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di bawah Akta 550, MBPK boleh melanjutkan tempoh pendidikan seperti yang berikut:

i. Tidak lebih daripada dua (2) tahun di sekolah rendah;

ii. Tidak lebih daripada dua (2) tahun di sekolah menengah; atau

iii. Satu (1) tahun di sekolah rendah dan satu (1) tahun di sekolah menengah.

Bagi MBPK yang mengikuti pendidikan vokasional di sekolah menengah pendidikan khas vokasional boleh dilanjutkan bagi tempoh satu (1) tahun lagi[35].

[34] *UNICEF (2019). Issue Brief: Children with disabilities in Malaysia. United Nations' Children's Fund, Kuala Lumpur.*
[35] *Kementerian Pendidikan Malaysia*

**Objektif 3**

Memastikan semua kanak-kanak berkembang maju dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian supaya mereka mencapai potensi yang optimum

**Keutamaan Strategik 13**

Mengurangkan jurang dalam keberhasilan pembelajaran

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Mempromosikan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh sekolah dan penyedia perkhidmatan pendidikan untuk meningkatkan kemudahan bagi kanak-kanak kurang upaya. | Jumlah sesi libat urus bersama pihak sekolah dan penyedia perkhidmatan pendidikan. | Sebanyak satu (1) sesi libat urus bersama pihak sekolah dan penyedia perkhidmatan pendidikan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM<br>**Pelaksana** JKM | Kemudahan bagi kanak-kanak kurang upaya di sekolah dan perkhidmatan pendidikan dipertingkatkan melalui promosi dan pematuhan terhadap garis panduan yang komprehensif. |
| 2. | Mengintegrasikan terapi pertuturan, cara kerja, dan fizikal di sekolah bagi memastikan sokongan menyeluruh untuk keperluan murid yang pelbagai. | Jumlah murid yang menerima terapi | Sebanyak 20 murid yang memerlukan terapi menerima sokongan menjelang 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM | Sokongan menyeluruh diberikan kepada murid yang memerlukan melalui integrasi terapi pertuturan, cara kerja, dan fizikal di sekolah. |
| 3. | Menjalankan advokasi kepada ibu bapa bagi menggalakkan kehadiran kanak-kanak kurang upaya ke sekolah. | Jumlah program advokasi yang dijalankan, dan jumlah ibu bapa yang terlibat | 1. Sebanyak satu (1) program advokasi dijalankan setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak 30 ibu bapa terlibat dalam program advokasi setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** JKM | Peningkatan kehadiran kanak-kanak kurang upaya ke sekolah melalui advokasi yang efektif kepada ibu bapa. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 13

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Melaksanakan program pengayaan sekolah dengan kerjasama NGO yang mensasarkan kanak-kanak yang berisiko tercicir. | Jumlah program pengayaan yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program pengayaan sekolah dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM<br>**Pelaksana** UNICEF NGO | Peningkatan pencapaian akademik, pengekalan, dan kesejahteraan kanak-kanak yang berisiko tercicir melalui program pengayaan cuti sekolah yang dijalankan dengan kerjasama NGO. |
| 5. | Menyediakan bahan pembelajaran yang mudah diakses dalam format seperti Braille, cetakan besar, dan digital, serta teknologi bantu (*assistive technology*) untuk menyokong keperluan pembelajaran yang pelbagai. | Jumlah bahan pembelajaran yang dihasilkan dalam format akses, dan jumlah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dilengkapi dengan teknologi bantu | 1. Bahan pembelajaran dalam format Braille, cetakan besar, dan digital disediakan untuk 5 murid setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak satu (1) PPKI dilengkapi dengan teknologi bantu setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM | Peningkatan akses dan pencapaian akademik bagi murid dengan keperluan pembelajaran khas melalui penyediaan bahan pembelajaran yang mudah diakses dan teknologi bantu. |
| 6. | Menjalankan latihan komprehensif untuk murid tentang penggunaan teknologi bantu (*assistive technology*) yang berkesan dengan kerjasama NGO. | Jumlah sesi latihan yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) sesi latihan komprehensif dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM<br>**Pelaksana** NGO | Peningkatan penggunaan berkesan teknologi bantu oleh murid melalui latihan komprehensif yang melibatkan murid dan keluarga mereka dengan kerjasama NGO. |
| 7. | Menambah koleksi bahan bacaan STEM di pusat sumber sekolah-sekolah Malaysia dan bahan sumber digital STEM di pelantar pendidikan digital. | Peratus bacaan STEM di pusat sumber dan pelantar pendidikan digital. | 1. 20% bahan bacaan tambahan dibekalkan di semua pusat sumber sekolah adalah bahan STEM; dan<br>2. 20% bahan sumber digital di pelantar pendidikan digital adalah bahan STEM. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM | Peningkatan akses dan penggunaan bahan bacaan STEM yang terkini di kalangan murid, menyokong perkembangan minat dan pengetahuan dalam bidang STEM. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 13

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | Meneruskan program perpustakaan jangkauan (*library outreach*) kepada kanak-kanak dalam komuniti. | Jumlah program perpustakaan jangkauan (*outreach*) kepada kanak-kanak dalam komuniti. | Sebanyak satu (1) program perpustakaan jangkauan (*outreach*) kepada kanak-kanak dalam komuniti dilaksanakan pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPN<br><br>**Pelaksana**<br>KKDW<br>JAKOA<br>KEMAS | Peningkatan kanak-kanak dalam akses kepada bahan bacaan, kadar tabiat membaca, dan penyertaan dalam aktiviti pendidikan dalam kalangan komuniti. |
| 9. | Menambah baik infrastruktur sekolah untuk memastikan akses penuh bagi murid kurang upaya. | Jumlah sekolah yang ditambah baik, dan jumlah kemudahan akses yang ditambah. | 1. Sebanyak satu (1) sekolah ditambah baik dengan kemudahan akses fizikal dan bukan fizikal pada setiap tahun; dan<br>2. *Ramp, railing, parking* dan tandas yang mudah diakses ditambah di 5 sekolah yang di naik taraf menjelang 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPM | Akses penuh dan kemudahan bagi murid kurang upaya di sekolah-sekolah dipastikan melalui penaiktarafan infrastruktur yang berterusan dan menyeluruh. |

# OBJEKTIF 4

## MENINGKATKAN PELUANG KANAK-KANAK MENGIKUT TAHAP KEUPAYAAN BAGI PENYERTAAN YANG BERMAKNA DALAM PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN KEPENTINGAN TERBAIK DAN KESEJAHTERAAN MEREKA

Kanak-kanak mempunyai hak yang sama seperti orang dewasa untuk mendapat maklumat dan menyuarakan pendapat mereka ke atas isu yang akan mempengaruhi kehidupan mereka. Suara mereka hendaklah diberikan pertimbangan yang sewajarnya mengikut umur dan kematangan mereka. Penyertaan secara sukarela oleh kanak-kanak terutamanya daripada golongan terpinggir, berlainan umur dan keupayaan dalam semua perkara akan membantu penyediaan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak.

Antara masalah yang telah dikenal pasti adalah ketidakseimbangan hak kanak-kanak dalam mengakses maklumat, hak dan peluang untuk didengari serta hak dan peluang untuk menyertai keputusan yang menyentuh hal ehwal mereka. Oleh yang demikian, bagi mengatasi ketidakseimbangan tersebut tiga (3) keutamaan strategik berikut telah dikenal pasti.

**Keutamaan Strategik 14:**
Memperkukuh penyertaan dan amalan kanak-kanak yang selamat dan bermakna dalam komuniti, sekolah dan dalam talian

**Keutamaan Strategik 15:**
Mengurangkan ketidaksamaan dalam mengakses maklumat yang berkualiti dan bahan bersesuaian bagi kanak-kanak

**Keutamaan Strategik 16:**
Memupuk budaya dalam kalangan masyarakat supaya lebih mendengar dan mempertimbangkan pandangan kanak-kanak secara aktif

## KEUTAMAAN STRATEGIK 14

### Memperkukuh penyertaan dan amalan kanak-kanak yang selamat dan bermakna dalam komuniti, sekolah dan dalam talian

Selain daripada Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK), platform pada peringkat sekolah, komuniti, kebangsaan dan negeri adalah terhad. Kekurangan ini menjadi faktor utama yang mengakibatkan ketirisan hak kanak-kanak dalam penggubalan dasar. Walaupun wujud platform yang sedemikian, norma gender akan mempengaruhi peranan dan keputusan yang akan menghalang peluang dan minat kanak-kanak. Pada masa yang sama, kanak-kanak kurang upaya juga seringkali dipinggirkan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Ini kerana masyarakat menganggap kanak-kanak kurang upaya tidak mampu berdikari dan sentiasa memerlukan penjagaan[36].

Mekanisme bagi penyertaan kanak-kanak akan diperkukuh dan penyertaan kanak-kanak akan dimasukkan ke dalam kerangka akauntabiliti dan pembinaan kapasiti dalam sektor awam pada peringkat kebangsaan, negeri, komuniti, pihak berkuasa tempatan dan dalam talian. Justeru, platform untuk penyertaan kanak-kanak juga akan diperkukuhkan supaya dapat memberikan penyertaan yang sama rata antara gender dan keupayaan.

[36] *UNICEF (2019). Childhood Disability in Malaysia KAP study. United Nations' Children's Fund, Kuala Lumpur*

**Objektif 4**

**Meningkatkan peluang kanak-kanak mengikut tahap keupayaan bagi penyertaan yang bermakna dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka.**

**Keutamaan Strategik 14**

Memperkukuh penyertaan dan amalan kanak-kanak yang selamat dan bermakna dalam komuniti, sekolah dan dalam talian

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Mengintegrasikan suara kanak-kanak secara inklusif ke dalam pembangunan dasar kerajaan. | Jumlah sesi perundingan dengan kanak-kanak yang dijalankan, jumlah dasar negara yang mengambil kira pandangan kanak-kanak dalam pembinaannya. | Sebanyak 30 sesi libat urus dengan kanak-kanak dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM<br>**Pelaksana** SUHAKAM JKM | Suara kanak-kanak, termasuk kanak-kanak kurang upaya, diintegrasikan dalam pembangunan dasar kerajaan, meningkatkan keberkesanan dan kesesuaian dasar bagi keperluan kanak-kanak. |
| 2. | Melancarkan advokasi dengan kerjasama NGO untuk menyerlahkan keupayaan kanak-kanak membuat keputusan di peringkat sekolah, keluarga, dan pusat komuniti agar tidak terikat dengan norma gender, usia dan kelainan upaya. | Program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak 10 program advokasi di seluruh negara dijalankan setiap tahun | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** SUHAKAM<br>**Pelaksana** UNICEF | Peningkatan kefahaman kanak-kanak tentang penglibatan kanak-kanak dalam membuat keputusan |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 14

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Melibatkan pandangan kanak-kanak secara inklusif dalam perancangan bandar dan reka bentuk ruang komuniti. | Jumlah sesi perundingan yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) sesi perundingan inklusif dengan kanak-kanak dijalankan setiap tahun mulai 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju** KPWKM **Pelaksana** UNICEF PBT (MBPP, MBSP, MBM) | Pandangan kanak-kanak diintegrasikan secara inklusif dalam perancangan bandar dan reka bentuk ruang komuniti, meningkatkan kesesuaian dan keberkesanan persekitaran bagi kanak-kanak. |
| 4. | Memperluas dan memperkasakan kerangka kerja majlis perwakilan pelajar sedia ada untuk memperkukuh penglibatan kanak-kanak dalam tadbir urus sekolah, termasuk membuat keputusan mengenai aktiviti ko-kurikulum dan kebajikan murid. | Jumlah majlis perwakilan pelajar yang aktif, dan jumlah keputusan yang melibatkan pelajar. | Sebanyak dua (2) sekolah memperkasa Majlis perwakilan pelajar setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPM **Pelaksana** UNICEF | Penglibatan kanak-kanak dalam tadbir urus sekolah diperkukuh melalui majlis perwakilan pelajar daripada aspek keterlibatan, kepuasan dan disiplin pelajar. |
| 5. | Menjalankan advokasi dalam kalangan kanak-kanak supaya kanak-kanak menghormati pendapat, memahami kesan perkataan, dan bertanggungjawab dalam komunikasi digital. | Jumlah program advokasi yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program advokasi tanggungjawab digital dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KPWKM **Pelaksana** JKM KK | Peningkatan kesedaran dan pemahaman kanak-kanak tentang prinsip kewarganegaraan digital melalui advokasi, mengurangkan kes buli siber dan tingkah laku negatif dalam talian. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 14

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Melaksanakan inisiatif pendidikan, menambah baik dan memperluas modul hak asasi manusia yang mengajar kanak-kanak tentang hak-hak mereka dalam masyarakat, serta demokrasi di Malaysia. | Jumlah program pendidikan yang dijalankan, Modul Hak Asasi Manusia yang ditambah baik, Jumlah sekolah yang melaksanakan modul. | 1. Satu (1) program pendidikan tentang demokrasi dan hak kanak-kanak dijalankan pada setiap tahun;<br>2. Modul Hak Asasi Manusia ditambah baik dengan penekanan tentang hak kanak-kanak pada tahun mulai 2026; dan<br>3. Sebanyak lima (5) sekolah rendah dan menengah melaksanakan modul hak asasi manusia setiap tahun mulai 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KPM<br>JPM | Konsep dan amalan hak kanak-kanak ditambah baik dalam silibus dan kandungan subjek sekolah, meningkatkan kesedaran, pemahaman kanak-kanak tentang demokrasi dan hak-hak mereka dalam masyarakat ditingkatkan melalui inisiatif pendidikan dengan kerjasama NGO |
| 7. | Meningkatkan jumlah bandar yang diiktiraf sebagai *Child Friendly City* (CFC) | Jumlah bandar yang diiktiraf sebagai *Child Friendly City* | Satu (1) bandar diiktiraf sebagai Bandar Mesra Kanak-Kanak pada tahun 2030 (mengikut PBT) | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>UNICEF<br>PBT (MBPP, MBSP, MBM) | Peningkatan jumlah Bandar Mesra Kanak-Kanak yang meningkatkan keselamatan dan penglibatan kanak-kanak. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 15

### Mengurangkan ketidaksamaan dalam mengakses maklumat yang berkualiti dan bahan bersesuaian bagi kanak-kanak

Perkara 17 CRC mengiktiraf hak kanak-kanak untuk mengakses maklumat dan bahan kandungan yang dapat membantu mereka untuk melindungi diri sendiri daripada sebarang bahaya dan eksploitasi. Dalam hal ini, perlu dipastikan kanak-kanak mendapat akses maklumat daripada pelbagai sumber yang sahih. Walaupun akses digital di Malaysia telah bertambah baik, namun masih terdapat jurang di seluruh negara. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa peratusan penggunaan internet oleh individu di kawasan bandar adalah 92.4% jika dibandingkan dengan 79.4% di kawasan luar bandar[37]. Tinjauan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pula mendapati bahawa 47% kanak-kanak berumur antara lima (5) hingga 17 tahun menggunakan internet dengan 97.6% daripada mereka menggunakan telefon pintar untuk mengakses internet[38].

Ketidaksamaan dan jurang dalam mengakses maklumat akan ditangani dengan menambah baik penyediaan maklumat agar boleh diakses oleh kanak-kanak yang berlainan umur dan keupayaan. Usaha lain adalah dengan menambah baik kebolehcapaian digital bagi kanak-kanak khususnya di kawasan pedalaman yang merangkumi kanak-kanak Orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak. Selain itu, program untuk melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian untuk mengakses maklumat juga perlu diperkasa dan ditambah baik.

---

[37]*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*
[38]*Internet User Survey 2020 (IUS 2020) https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/ISU-2020-Report.pdf*

**Objektif 4**

**Meningkatkan peluang kanak-kanak mengikut tahap keupayaan bagi penyertaan yang bermakna dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka.**

**Keutamaan Strategik 15**

**Mengurangkan ketidaksamaan dalam mengakses maklumat yang berkualiti dan bahan bersesuaian bagi kanak-kanak**

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menyediakan perkhidmatan capaian Internet berkelajuan tinggi dan tanpa had di semua sekolah. | Peratus sekolah KPM disediakan dengan perkhidmatan capaian Internet mendapat manfaat. | Internet berkelajuan tinggi dan tanpa had dipasang di semua sekolah pada tahun 2030. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KK<br><br>**Pelaksana**<br>KPM<br>KKDW | Jurang pembelajaran dikurangkan dan kualiti serta peluang pendidikan yang lebih saksama ditingkatkan di semua sekolah melalui pemasangan Internet berkelajuan tinggi. |
| 2. | Menjalinkan kerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk menawarkan pakej Internet dengan diskaun untuk keluarga berpendapatan rendah yang mempunyai anak bersekolah. | Jumlah syarikat telekomunikasi yang terlibat, jumlah keluarga berpendapatan rendah yang mendapat pakej Internet dengan diskaun. | 1. Sebanyak satu (1) syarikat telekomunikasi terlibat setiap tahun; dan<br>2. Sebanyak 10 keluarga berpendapatan rendah menerima pakej Internet dengan diskaun setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KK | Akses Internet yang lebih meluas dan mampu milik bagi keluarga berpendapatan rendah dipertingkatkan melalui kerjasama dengan syarikat telekomunikasi. |
| 3. | Memperkasa kanak-kanak mengamalkan cara hidup sihat melalui platform media sosial yang mesra kanak-kanak. | Bilangan advokasi kesihatan kanak-kanak melalui media sosial yang mesra kanak-kanak | Sebanyak dua (2) advokasi kesihatan kanak-kanak dijalankan di platform media sosial/ media massa pada setiap tahun mulai 2026. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KKM<br><br>**Pelaksana**<br>JKM<br>KK | Kesedaran dan pengetahuan tentang kesihatan kanak-kanak meningkat melalui media sosial yang berkesan dan mesra kanak-kanak. |

Objektif 3 — Keutamaan Strategik 15

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | Menjalankan program literasi digital untuk mencapai kanak-kanak yang lebih muda, kanak-kanak di kawasan luar bandar, dan kanak-kanak yang tidak bersekolah, yang memiliki tahap kesedaran risiko dan kemahiran digital yang rendah. | Jumlah program yang dijalankan. | Sebanyak satu (1) program literasi digital dijalankan setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KD<br>**Pelaksana** CSM | Peningkatan dalam kesedaran risiko dan kemahiran digital di kalangan kanak-kanak melalui program literasi digital yang dijalankan. |
| 5. | Menjalankan program literasi statistik untuk murid sekolah yang merangkumi isu sosial, ekonomi dan alam sekitar. | Jumlah program literasi statistik yang dijalankan. | Sebanyak lima (5) program literasi statistik dijalankan pada 2026. | Pendek 2026 | **Peneraju** KE<br>**Pelaksana** KPM | Literasi statistik dalam kalangan murid sekolah dipertingkatkan, membantu mereka memahami dan menganalisis isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar dengan lebih baik. |
| 6. | Menjalankan aktiviti dan advokasi bagi meningkatkan kesedaran literasi kewangan digital dalam kalangan kanak-kanak. | Jumlah aktiviti dan advokasi yang dijalankan. | Sebanyak lima (5) aktiviti dan advokasi literasi kewangan digital dijalankan setiap tahun | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** MOF<br>**Pelaksana** FEN | Peningkatan literasi kewangan digital di kalangan kanak-kanak melalui advokasi yang berkesan dan meluas. |

## KEUTAMAAN STRATEGIK 16

### Memupuk budaya dalam kalangan masyarakat supaya lebih mendengar dan mempertimbangkan pandangan kanak-kanak secara aktif

Walaupun terdapat peruntukan dan mekanisme yang mewajibkan penyertaan kanak-kanak dalam membuat keputusan, namun norma sosial yang tidak sihat seperti norma gender, umur dan kelainan keupayaan merupakan cabaran utama yang menghalang akses kepada maklumat.

Satu budaya yang mendorong usaha secara aktif untuk melibatkan pandangan kanak-kanak dalam semua peringkat masyarakat adalah penting bagi memupuk persekitaran yang kondusif dalam penglibatan kanak-kanak tanpa mengira gender, umur dan keupayaan. Bagi memupuk budaya tersebut, promosi norma positif perlu dilaksanakan melalui kempen kesedaran, pimpinan rakan sebaya dan program yang melibatkan pihak berkepentingan. Penglibatan kanak-kanak perlu dilihat sebagai peluang untuk merapatkan jurang antara generasi.

**Objektif 4**

**Meningkatkan peluang kanak-kanak mengikut tahap keupayaan bagi penyertaan yang bermakna dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka.**

**Keutamaan Strategik 16**

**Memupuk budaya dalam kalangan masyarakat supaya lebih mendengar dan mempertimbangkan pandangan kanak-kanak secara aktif**

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menggerakkan pihak media untuk melibatkan pandangan kanak-kanak dalam penerbitan bahan media. | Jumlah penerbitan bahan media yang melibatkan pandangan kanak-kanak. | Pandangan kanak-kanak dimasukkan dalam dua (2) penerbitan bahan media setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** KK | Representasi pandangan kanak-kanak di media meningkat melalui penglibatan mereka dalam penerbitan bahan media, meningkatkan kepuasan dan penglibatan kanak-kanak. |
| 2. | Menyokong inisiatif yang menggunakan muzik, tarian, dan seni visual dan kraf sebagai medium untuk kanak-kanak menyampaikan perspektif dan pengalaman mereka dengan menekankan kekayaan kebudayaan negara. | Jumlah inisiatif seni yang disokong. | 1. Sebanyak 50 inisiatif seni yang menggunakan muzik, tarian, dan seni visual dan kraf yang mengutarakan pandangan kanak-kanak disokong pada setiap tahun; dan<br>2. Sekurang-kurangnya 100,000 kanak-kanak terlibat dalam inisiatif seni dengan mengekspresikan pandangan mereka pada setiap tahun mulai 2026. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju** MOTAC | Kanak-kanak menggunakan muzik, tarian, seni visual dan kraf sebagai medium untuk menyampaikan perspektif dan pengalaman mereka, meningkatkan ekspresi diri dan kesedaran terhadap seni budaya dan warisan. |

Objektif 4 — Keutamaan Strategik 16

| Bil | Tindakan/ Program | Indikator | Sasaran | Tahun Pelaksanan | Peneraju/ Pelaksana | Keberhasilan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Menyebarluaskan advokasi hak kanak-kanak menurut konvensyen antarabangsa dan Dasar Kanak-kanak Negara kepada semua agensi kerajaan, sekolah, dan masyarakat. | Jumlah program advokasi yang dijalankan, dan jumlah komuniti dan institusi yang terlibat | 1. Sebanyak satu (1) komunikasi strategi tentang hak kanak-kanak dijalankan setiap tahun;<br>2. Sebanyak satu (1) program kesedaran hak kanak-kanak dijalankan institusi agama pada setiap tahun; dan<br>3. Sebanyak lima (5) agensi kerajaan, sekolah, dan komuniti masyarakat terlibat dalam advokasi pada setiap tahun. | Panjang 2026-2030 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>KK<br>JKM<br>SUHAKAM<br>NGO<br>PBT | Kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang hak kanak-kanak menurut konvensyen antarabangsa ditingkatkan melalui advokasi yang berkesan serta meningkatkan pengetahuan dan perlindungan terhadap hak kanak-kanak. |
| 4. | Memperkasakan struktur penglibatan kanak-kanak secara lebih inklusif dalam Majlis Perwakilan Kanak-kanak di peringkat Negeri dan Daerah serta Kebangsaan. | Jumlah kanak-kanak dari pelbagai latar belakang yang menyertai Majlis Perwakilan Kanak-Kanak | Keahlian Majlis Perwakilan Kanak-kanak Malaysia diperkasakan dengan penyertaan sebanyak 20% kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang. | Sederhana 2026-2028 | **Peneraju**<br>KPWKM<br>**Pelaksana**<br>SUHAKAM<br>UNICEF<br>JKM | Keahlian Majlis Perwakilan Kanak-kanak Malaysia yang lebih inklusif memperkukuhkan perwakilan dari kepelbagaian latar belakang, menyebarluaskan mesej advokasi keselamatan kanak-kanak dan penghormatan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak dalam mengangkat cabaran pembangunan kanak-kanak kepada Kerajaan . |

## LAIN-LAIN OBJEKTIF SOKONGAN

Pelaksanaan dan intervensi bukan sahaja akan mensasarkan kanak-kanak secara langsung tetapi juga persekitaran kanak-kanak. Bagi tujuan ini peranan ibu bapa/penjaga, keluarga dan komuniti akan turut diberi keutamaan supaya dapat menjalankan peranan sebagai pelindung kanak-kanak.

Bagi memastikan pelaksanaan Dasar kekal relevan dan realistik maka aspek penyelidikan, pembangunan, pemantauan dan penilaian akan sentiasa diberi keutamaan dan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

# STRATEGI PELAKSANAAN

Pelaksanaan Dasar ini akan melibatkan pelbagai sektor seperti kerajaan persekutuan, negeri dan swasta dengan kerjasama NGO dan komuniti. Satu Pelan Tindakan yang berasingan bagi mengiringi Dasar ini juga akan disediakan.

Setiap agensi pelaksana bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, memantau, menilai dan menyelaras program dan aktiviti termasuk penyediaan peruntukan.

Perkhidmatan yang disediakan perlu melibatkan program dan intervensi terancang yang akan melibatkan pelbagai sektor supaya kanak-kanak dan keluarga mereka mempunyai taraf hidup yang baik serta keperluan dan hak dipenuhi.

Perkhidmatan ini disasarkan kepada semua golongan masyarakat dan penekanan diberikan kepada kumpulan berisiko dengan memberi khidmat sokongan dan intervensi untuk membina kemahiran ibu bapa dan menggalakkan sikap yang positif dan gaya hidup yang sihat, aktif dan cergas.

Pengurusan kes individu juga akan dijalankan oleh pekerja kes dan pekerja sosial untuk mengenal pasti keluarga dan situasi di mana kanak-kanak mempunyai keperluan yang berbeza. Pekerja kes dan pekerja sosial ini berperanan untuk menjalankan penilaian keperluan dan risiko, penyelarasan serta pemantauan sokongan.

# SENARAI AKTA BERKAITAN KANAK-KANAK

- Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai III – Senarai Bersama
- Akta Bantuan Guaman 1971 *[Akta 26]*;
- Akta Keterangan 1950 *[Akta 56]*;
- Akta Pendaftaran Negara 1959 *[Akta 78]*;
- Akta Orang Asli 1954 *[Akta 134*];
- Akta Imigresen 1959 *[Akta 155]*.
- Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 *[Akta 164]*;
- Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 *[Akta 253]*;
- Akta Pengangkatan 1952 *[Akta 257]*;
- Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 *[Akta 299]*;
- Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 *[Akta 308]*
- Akta Pengangkutan Jalan 1978 *[Akta 333]*;
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 *[Akta 350]*;
- Akta Pusat Jagaan 1993 *[Akta 506]*
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 *[Akta 521]*;
- Akta Penjara 1995 *[Akta 537]*;
- Akta Pendidikan 1996 *[Akta 550]*;
- Akta Kanun Keseksaan *[Akta 574]*;
- Akta Kanun Tatacara Jenayah 2006 *[Akta 593]*;
- Akta Kanak-Kanak 2001*[Akta 611]*;
- Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 *[Akta 668]*;
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 *[Akta 670]*;
- Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 *[Akta 676]*;
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 *[Akta 685]*;
- Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 *[Akta 792]*;
- Akta Antigangguan Seksual 2022 *[Akta 840]*;

# SENARAI AKRONIM DAN SINGKATAN

| | |
|---|---|
| Bahagian D11 | Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak |
| CEDAW | *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination* |
| CRC | *Convention on the Rights of the Child* |
| CRPD | *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* |
| DKKN | Dasar Kanak-Kanak Negara |
| DPKK | Dasar Perlindungan Kanak-Kanak |
| IPU | Indeks Pencemaran Udara |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| MBKK | Mahkamah Bagi Kanak-Kanak |
| MBPK | Murid Berkeperluan Pendidikan Khas |
| MPKK | Majlis Perwakilan Kanak-Kanak |
| NGHTI | *National Guidelines on Human Trafficking Indicators* |
| NGO | *Non-Govermental Organisation* |
| NHMS | *National Health and Mobidity Survey* |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| OYLS | Orang yang Layak dan Sesuai |
| PEKERTI | Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan |
| PTCOP | Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak dalam Dunia Siber |
| RMKe-13 | Rancangan Malaysia Ketiga Belas |
| SDG | *Sustainable Development Goals* |
| SRH | *Sexual Reproductive Health* |
| TASKA | Taman Asuhan Kanak-Kanak |

# HAK KANAK-KANAK
# ADALAH
# TANGGUNGJAWAB BERSAMA